

# WILAYAHKU

MEDIA WARGA KOTA



TIKET PENERBANGAN MURAH

SOLIDARITI GAZA

MODEL PADI SEKINGCHAN

SELESAI ISU SEMPADAN MARITIM

## KERAJAAN BEKERJA

PELABURAN ASING



PÉRKASA TVET

MENANG SAMAN KERAJAAN SULU

TEKNOLOGI HIJAU

EMADANI / EBELIA

PAYUNG RAHMAH



RAHMAH KASIH SAYANG

Urus emosi di jalan raya  
>> 7

Industri florikultur sumbang RM2.37 bilion  
>> 9 - 11

Jurutera bongkah kecil berjiwa besar  
>> 12 - 13



## MADANI BEKERJA



## Angkat sumpah

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim (tengah) ketika menghadiri hari pertama sesi Dewan Rakyat.



## Konvensyen Kerajaan Perpaduan

KONVENSYEN Kerajaan Perpaduan yang julung kali diadakan dilihat menjadi teras kepada kestabilan dan kekitaan gabungan 19 parti politik yang membentuk kerajaan.



## Diiktiraf komuniti Muslim

ANWAR merupakan antara pemimpin asing pertama yang diberi peluang menyampaikan khutbah Jumaat di Islamic Cultural Centre of New York.



## Kunjungan ke Laos

PERDANA Menteri Laos, Dr Sonexay Siphandone yang bakal menjadi Pengerusi ASEAN menyambut baik usaha Anwar untuk memperkukuh hubungan dan kerjasama dua negara.



## Teroka peluang pelaburan

TIDAK sekadar perkuat hubungan diplomatik, Anwar turut menawarkan Presiden Emiriah Arab Bersatu (UAE), Sheikh Mohamed bin Zayed Al-Nahyan peluang pelaburan di Malaysia.



## Lestari alam sekitar

ANWAR menggesa negara-negara maju membantu negara membangun seperti Malaysia bagi mencapai sasaran Pelepasan Gas Rumah Hijau sifar bersih.



## Tegas perjuang hak Palestin

Anwar ketika di Persidangan Agung Tahunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) menggunakan sebaik-baiknya untuk memperjuangkan hak Palestin di pentas antarabangsa.



## Fokus keterjaminan makanan

KERAJAAN Perpaduan akan memastikan sumber makanan mencukupi bagi memastikan keterjaminan makanan menjadi fokus utama.



## Lawatan ke Cambodia

PERDANA Menteri Cambodia, Hun Sen bertukar pandangan mengenai isu serantau dan antarabangsa terutama ketegangan di Laut Cina Selatan.



## Tingkat kemudahan warga kota

KEMUDAHAN warga kota menjadi fokus utama Kerajaan Perpaduan yang merupakan sebahagian daripada kerangka Malaysia MADANI.



## Lancar PSKL 2040

DEMI memastikan kelestarian dan kemampuan pembangunan di Kuala Lumpur, Anwar melancarkan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 sebagai panduan pembangunan di bandar raya tersebut.



## Tingkat hubungan

PERSEFAHAMAN di antara parti-parti di dalam gabungan Kerajaan Perpaduan ditingkatkan melalui kehadiran Anwar ke Perhimpunan Agung UMNO setelah 25 tahun.



## Tindakan MyCC jamin kelestarian dan bela pengguna

AZLAN ZAMBRY

MASALAH kartel dalam isu melibatkan keterjaminan makanan tidak hanya melibatkan kawalan harga semata-mata atau memberikan kelebihan dan menjaga kepentingan sekelompok pemain industri bahkan ia melibatkan rantaian bekalan sekali gus menjadi ancaman terhadap jaminan bekalan untuk pengguna.

Penganalisis Pasaran dari Firma Kiarafics Consultancy, Nurul Izzatee Md Yusof menegaskan isu kartel yang wujud bukan hanya melibatkan soal dedak semata-mata bahkan lebih banyak isu-isu lain yang menyumbang impak yang lebih besar dan negatif dalam kelestarian industri tersebut terutamanya kepada pemain industri kecil.

Jelas beliau, isu kewujudan kartel dalam industri keterjaminan makanan bukan hanya melibatkan ternakan, bahkan juga terdapat kartel dalam pertanian dan hasil pertanian itu sendiri.

"Hari ini kita kira tindakan pertama kerajaan melalui Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) adalah yang paling berani untuk menangani masalah kartel

industri ini.

"Ini seolah-olah satu amaran dan saya yakin ramai yang berharap agar tindakan susulan lainnya lebih tegas, menyeluruh dan lebih berani untuk menangani masalah tersebut yang sebelum ini menjadi duri dalam daging dalam industri," katanya kepada *Wilayahku*.

Menurut Nurul Izzatee, menerusi tindakan MyCC yang telah mengheret lima kartel serta menghukum mereka dengan penalti sehingga RM415 juta, ia diharap dapat memperbaiki ekosistem rantaian bekalan industri ternakan ayam menerusi penetapan semula industri.

"Saya kira perlu ada reset atau penetapan semula kerana antara isu lain yang lebih besar melibatkan kartel atau monopoli dalam industri ini adalah pemonopolian

baka ayam oleh kartel sehingga menyebabkan hampir tiada ruang untuk kajian terhadap baka baharu.

"Selain itu pemonopolian bangsa asing di pasar borong besar tempatan mesti dihentikan dan terakhir adalah terma bayaran pasar raya besar yang kebiasaannya mengambil tempoh dari 60 hingga 90 hari yang jelas menekan kebanyakan penternak dan



KEBANYAKAN penternak ayam mempunyai kadar kebergantungan tinggi terhadap kartel untuk mendapatkan dedak. - Gambar hiasan

pekebun kecil," katanya.

Beliau tidak dinafikan kebanyakan penternak dan pekebun kecil mempunyai kadar kebergantungan yang tinggi terhadap kartel untuk mendapatkan dedak bagi ternakan mereka.

"Ia sekali gus tindakan ini berkemungkinan akan

menyebabkan berkurangnya kadar bekalan ayam tempatan dan akan mengganggu sedikit pasaran berikutan tindak balas tersebut," katanya.

Justeru itu katanya, tekanan ini sebenarnya adalah titik tolak kepada situasi akan datang yang lebih baik seperti mewujudkan suasana

paksaan kepada kartel untuk lebih telus dalam penetapan harga dedak.

"Ia juga dapat memberi peluang kepada pemain tempatan untuk menghasilkan dedak sendiri secara berskala besar melalui kerjasama universiti tempatan dan syarikat pemula teknologi agro dan memberi peluang kepada permintaan untuk ayam kampung hybrid diterima oleh pasaran umum," katanya.

Katanya lagi, tekanan ini adalah bersifat sementara melalui tindakan susulan yang lebih tegas serta inisiatif yang lebih mesra-penternak dan pengguna oleh kerajaan dalam menangani masalah ini.

"Kerajaan harus memberi lebih geran bersifat kajian dan pelaksanaan kepada penternak dan syarikat pemula serta universiti bagi menghasilkan dedak tempatan bersifat high yield.

"Selain itu, perlu lebih banyak agensi kewangan milik kerajaan yang mampu menyediakan skim factoring bagi membantu penternak dan pekebun kecil untuk berupaya menghantar hasil mereka ke pasar raya besar tanpa menunggu lebih 60 hingga 90 hari sebelum menerima bayaran dan yang paling utama adalah untuk menghapuskan pemonopolian bangsa asing di pasar-pasar borong utama yang turut menjadi punca bekalan ayam tidak stabil di pasaran," katanya. WK



Segala masalah boleh selesai

# Pemimpin Malaysia bekerja

ZULKIFLI SULONG

**S**ELEPAS lebih setahun, apakah perkataan yang sesuai diletakkan kepada Kerajaan Perpaduan yang bertemakan Malaysia Madani ini? Kerajaan Bekerja.

Itulah gelaran yang sesuai diberikan kepada kerajaan. Ini kerana, sejak dari awal penubuhannya, itulah yang dilakukan oleh pemimpin kerajaan ini, dari perdana menteri, timbalan perdana menteri, menteri dan juga timbalan menteri. Bekerja dan bekerja.

Ekoran itu, banyak masalah yang dihadapi oleh rakyat dan negara ini berjaya diselesaikan oleh kerajaan.

Sebaik sahaja mengangkat sumpah, misalnya, Kerajaan Perpaduan menghadapi masalah kekurangan telur di pasaran. Ia bukan baharu bahkan sudah dialami oleh rakyat negara ini sejak berbulan-bulan lalu walaupun tidak tahun di bawah kerajaan sebelum ini.

Langkah pertama yang dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah mengumumkan penyelesaian kepada masalah bekalan telur di pasaran dengan mengimport telur.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang baru dilantik, Mohamad Sabu (sekarang Datuk Seri) kemudiannya telah mengumumkan kerajaan bersetuju mengimport telur dari India.

Beliau terbang ke India bagi melihat sendiri bagaimana telur dihasilkan di India. Pembekal telur

yang sama juga membekalkan telur ke Qatar ketika negara itu menjadi tuan rumah FIFA 2022 sebelum ini.

Apabila pecah cerita ini, pembekal telur berjumpa dengan Mohamad dan berbincang. Hasilnya persetujuan dicapai dan telur kembali ke pasaran tempatan.

Selepas telur, datang pula isu bekalan beras tempatan yang tidak mencukupi di pasaran ekoran kenaikan beras import akibat cuaca yang tidak menentu. Ada pengeluar beras menukar label beras tempatan ke beras import untuk dijual dengan harga yang lebih menguntungkan.

Kerajaan sedar isu ini sejak sebelum krisis bermula lagi. Lalu perancangan dibuat untuk meningkatkan pengeluaran beras tempatan. Isunya adalah jumlah pengeluaran padi oleh petani di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) atau lain-lain kawasan yang luas kawasan penanaman padinya, sangat rendah berbanding padi di Sekinchan, Selangor yang diusahakan petani dari keturunan Cina.

Bendang padi di Sekinchan boleh menghasilkan 10 hingga 11 metrik ton per hektar sedangkan di kawasan MADA dan KADA hanya sekitar 3 hingga 4 metrik ton per hektar sahaja.

Melalui hubungan baiknya dengan petani Cina di Sekinchan, Mohamad membawa petani dari Sekinchan itu ke kawasan MADA dan KADA. Mereka diajar cara menanam padi bagi membolehkan

hasilnya setinggi padi di Sekinchan.

Hasilnya, melalui projek-padi ala Sekinchan di KADA dan MADA, hasil padi mereka semakin bertambah apabila musim menuai tiba baru-baru ini. Dari 3 hingga 4 metrik ton per hektar, hasilnya sudah bertambah menghampiri 10 metrik ton per hektar. Ia bakal menyelesaikan bekalan beras tempatan.

Di samping kedua-dua contoh masalah yang klasik ini, banyak lagi kerja yang dilakukan oleh pemimpin Kerajaan Perpaduan untuk rakyat negara ini.

PM Anwar bergerak ke sana ke sini untuk menjual Malaysia sebagai destinasi pelaburan di luar negara. Terbaharu beliau ke Jepun. Sebelum itu beliau ke China dan juga Amerika Syarikat bagi menarik pelabur dari kedua-dua negara kuasa ekonomi dunia itu.

Beliau bolehlah dianggap pemimpin yang paling kuat bekerja untuk negara ini. Beliau berjaya membawa pelaburan RM170 bilion dari China selepas melawat ke negara itu. Selepas pulang dari Amerika, PMX mengumumkan peniaga negara itu bersetuju melabur sebanyak RM63.02 bilion ke Malaysia.

Hubungan baik Anwar dengan pemimpin negara Arab juga menyebabkan mereka sedia membuat pelaburan besar ke negara ini.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil pula telah mengeluarkan senarai Kerajaan Perpaduan Bekerja - Apa berlaku minggu lepas saban minggu. Dalam risalah



MASALAH bekalan beras tempatan diatasi melalui projek padi ala Sekinchan di KADA dan MADA. - Gambar hiasan

yang disebar setiap minggu itu, kementerian beliau menyenaraikan 10 perkara yang berlaku sepanjang minggu sebelumnya.

Antaranya maklumat bahawa kerajaan sedia mengimport bawang dari China dan Pakistan selepas India menyekat eksport bawang ekoran negara itu dilanda banjir.

Dimaklumkan juga, kerajaan telah mengekspor 217,847 tan minyak sawit ke India bulan

November lepas. Ini sudah tentu berita gembira untuk peladang dan petani yang menanam kelapa sawit di negara ini di mana India telah sedia menjadi pengimport minyak sawit Malaysia.

Semua ini berlaku kerana pemimpin Malaysia adalah pemimpin yang bekerja bukannya memakan gaji buta dan sibuk bermain politik untuk mempertahankan kuasa. [WK](#)

## Sokongan rakyat bukti kehebatan

**PENCAPAIAN** dan kejayaan yang dikecapi dalam pentadbiran Kerajaan Perpaduan adalah hasil kerjasama seluruh pasukan di semua kementerian.

Pelbagai bentuk bantuan yang telah dirangka demi memastikan kesejahteraan hidup rakyat terjamin ketika fasa ekonomi yang sangat mencabar.

Dalam pada itu, sokongan rakyat

terhadap Kerajaan Perpaduan juga penuh jitu bagi memastikan negara terus maju ke hadapan.

Pakar Geostrategis, **Profesor Dr Azmi Hassan** turut berkongsi pendapat bahawa antara perkara menarik kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah sokongan daripada semua pihak yang tidak menggugat kestabilan kerajaan

pimpinan beliau.

"Ia dapat dilihat, rakyat sudah mula menerima kerajaan pimpinan Perdana Menteri, lebih-lebih lagi, banyak pencapaian yang boleh dibanggakan sepanjang pimpinan Kerajaan Perpaduan.

"Pelbagai jenis bantuan disalurkan demi merencanakan kembali ekonomi Malaysia dalam masa yang sama mengatasi masalah inflasi yang melanda dunia," katanya.

Tambah Azmi, pelaksanaan subsidi bersasar membuktikan kerajaan serius dalam membantu golongan berpendapatan rendah di samping mengatasi masalah ketirisan selain menambah jumlah pendapatan negara.

"Fokus utama kerajaan adalah memastikan nasib golongan berpendapatan rendah terbela di samping mengurangkan pelbagai jenis subsidi kepada golongan berpendapatan tinggi.

Jelas Azmi, kejayaan pihak Kerajaan Perpaduan dalam menarik pelabur-pelabur asing ke Malaysia membuktikan bahawa keutuhan pentadbiran kerajaan.



ANWAR menerima sokongan daripada semua pihak.

**KERAJAAN PERPADUAN BEKERJA** APA BERLAKU MINGGU LEPAS?

11 - 17 Disember 2023 #MingguanMalaysiaMADANI

<p><b>1</b> Malaysia-Jepun Bekerjasama dalam Pembangunan dan Aplikasi Angkasa Lepas</p>	<p><b>2</b> Lebih 18,000 Kandungan Scam dan Penipuan Atas Talian Diambil Tindakan Tahun Ini Berbanding Hanya 315 pada Tahun 2022</p>
<p><b>3</b> Kerajaan Sedia Import Bawang dari China dan Pakistan Susulan Sekatan India</p>	<p><b>4</b> Tiket Penerbangan ke Sabah Sarawak Tidak Lebih RM 599 Ketika Perayaan</p>
<p><b>5</b> Malaysia Eksport 217,847 Tan Minyak Kelapa Sawit ke India Bulan Ini</p>	<p><b>6</b> Setem 'Palestin Merdeka' Dilancarkan Sebagai Tanda Solidariti</p>
<p><b>7</b> RUU Kawal Jualan Tembakau dan Vape Diluluskan Dewan Negara</p>	<p><b>8</b> Kerajaan Bincang dengan IPT untuk Selesaikan Masalah Kediaman Pelajar</p>
<p><b>9</b> Pemberian Bantuan Penghargaan Khas kepada Pesara (PKP) Januari - Disember 2024 Diteruskan</p>	<p><b>10</b> 5,836 Aduan Kerosakan Jalan Diterima Melalui Aplikasi MYJalan</p>

MALAYSIA MADANI



Kerajaan kukuh

# Tebuk atap akan gagal

**B**ARU-BARU ini tular dalam media sosial yang mendakwa kerajaan bawah pimpinan Perdana Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim** akan tumbang tidak lama lagi.

Video yang tular itu menyatakan kerajaan baharu bukan kerajaan tebuk atap tetapi melalui pintu hadapan Istana Negara.

Bukan itu sahaja, pada video tersebut turut dipaparkan gambar Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berlatarbelakang bendera Malaysia.

Anwar baru-baru ini menzahirkan keyakinannya bahawa percubaan menjatuhkan Kerajaan Perpaduan menerusi usaha menukar sokongan atau dengan istilah 'tebuk atap' tidak akan berlaku berikutan sokongan padu yang diberikan Sarawak.

Anwar berkata Pengerusi Gabungan Parti Sarawak (GPS) yang juga Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg dalam satu pertemuan dengan beliau baru-baru ini turut mengulangi pendirian tegas mengekalkan Kerajaan Perpaduan sehingga pilihan raya umum akan datang.

"Dalam senario politik semasa ini, peranan atau pendirian GPS itu agak kritikal kerana hanya dengan kenyataan dan dukungan parti utama Sarawak (GPS) dan Sabah (GRS) yang akan memungkinkan perubahan itu (kerajaan) berlaku.

"Kalau ada sedikit sebanyak percubaan tebuk atap, ia akan hanya berasas sekiranya ada ruang yang diberikan kedua-dua negeri (Sarawak dan Sabah), saya pilih majlis ini untuk menyampaikan



**ANWAR berucap pada Sesi Dialog Perdana Menteri bersama Ketua Pengarang serta Pengarang-Pengarang Kanan Media Elektronik, Media Cetak dan Dalam Talian di Kompleks Seri Perdana pada Sabtu.**

bahawa kes tebuk atap kalau nak digunakan lagi (naratif) dukungan Sabah dan Sarawak, ia terbatal secara sendirinya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Sesi Dialog Perdana Menteri bersama Ketua Pengarang serta Pengarang-Pengarang Kanan Media Elektronik, Media Cetak dan Dalam Talian, baru-baru ini.

Anwar berkata Abang Johari turut mendedahkan ada beberapa percubaan yang agak terdesak untuk memujuk beliau dan partinya, namun Premier Sarawak

itu menolak dengan tegas.

"Katanya dalam beberapa pertemuan terakhir ada percubaan itu dan beliau secara konsisten menolak dengan tegas bahawa tidak akan melayani sebarang perbincangan untuk meretakkan hubungan Sarawak dan Persekutuan serta hubungan dengan Kerajaan Perpaduan," kata beliau.

Selain itu, Anwar berkata hubungan yang baik antara parti-parti dalam Kerajaan Perpaduan jelas menunjukkan kerajaan yang ada pada masa ini

adalah kukuh.

"Selepas setahun, kerajaan adalah stabil dan kerjasama antara parti-parti, Pakatan Harapan, Barisan Nasional, GPS dan GRS lebih kukuh.

"Saya tidak pernah menemui sebarang masalah serius dalam usaha kami melakukan perubahan atau membuat reformasi dan saya lebih yakin sekarang selepas setahun dengan pengalaman itu, beberapa pelarasan dalam Kabinet kami mampu mara ke hadapan dengan kepastian dan kepantasan," katanya. **WK**

## Kebanjiran warga China bukan untuk diberi kerakyatan

**KECOH** dalam media sosial satu rakaman video berdurasi 17 saat menunjukkan orang ramai berbangsa Cina sedang bersesak di sebuah lapangan terbang di negara ini.

Ekoran video tersebut, tanpa usul periksa ramai yang mendakwa pihak kerajaan sengaja membawa masuk rakyat dari negara China secara beramai-ramai untuk dijadikan warganegara Malaysia.

Menepis dakwaan tersebut, Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Ruslin Jusoh berkata pihaknya mengesan rakaman tersebut adalah video lama yang berlaku pada tahun 2022 di Dewan Bas, Bangunan Sultan Iskandar (BSI) Johor Bahru, Johor.

"Ia bukan kebanjiran pelancong warga China sebaliknya lokasi di dalam video tersebut adalah semasa pintu masuk negara mula dibuka selepas sekatan pergerakan rentas sempadan akibat COVID-19 ditamatkan.

"Video itu dirakam semasa



**VIDEO tular warga China bersesak yang didakwa berlaku di lapangan terbang adalah tidak benar. - Gambar hiasan**

pergerakan masuk rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura. Justeru, kita ingin menafikan bahawa rakaman terbabit dibuat di lapangan terbang antarabangsa negara," katanya dalam kenyataan media baru-baru ini.

Menurutnya, mengikut rekod,

pergerakan keluar dan masuk di BSI secara purata adalah 250,000 orang pada hari biasa dan akan meningkat sekali ganda pada musim perayaan.

"Orang ramai dinasihatkan supaya tidak menyebarkan maklumat tidak sah yang

boleh menimbulkan kekeliruan dan keresahan dalam kalangan masyarakat hari ini.

"Silalah layari portal rasmi dan akaun media sosial rasmi JIM untuk mendapatkan maklumat tepat serta terkini berkaitan jabatan ini," katanya. **WK**

## MENARIK WILAYAHKU



### KUALA LUMPUR

**31/10-31/12/23:** Pameran Timbang dan Sukat: Kearifan Metrologi @ Jabatan Muzium Malaysia

**23/12/23-1/1/24:** Aktiviti Zip Line @ Muzium Negara

**25/12/23-14/4/24:** Pameran Hanya Satu @ Balai Seni Negara

**10-31/12/23:** Plant Success Story Across Climates @ Aquaria KLCC

**31/12/23:** 2024 New Year's Countdown @ Menara Kuala Lumpur

**16/1/24:** Temuduga Terbuka JKKN @ Tingkat 34, Menara TH Perdana, Kuala Lumpur

### PUTRAJAYA



**18/11-1/1/24:** Winter Wonderland Adventure @ IOI CITY Mall

**5/1/24:** Bazaar New Year with TSB @ Lobi Dewan Melati, Perbadanan Putrajaya

**6/1/24:** JomRun 6th Anniversary @ Dataran Wawasan

**13-14/1/24:** Putrajaya Watergate sixteen hour 2024 @ Kompleks Sukan Air Putrajaya

**14/1/24:** Putrajaya Lake Half Marathon 2024 @ Monumen Alaf Baru Presint 2, Putrajaya

**28/1/24:** MAIWP Run @ Dataran Putrajaya

### LABUAN



**30/12/23:** Glamping Borneo @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa

**31/12/23:** Pertandingan Memancing @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa

**1/1/24:** Labuan New Year Run 2024 @ Palm Beach Resort & Spa





ANGGOTA penguat kuasa DBKL ketika melakukan operasi di Jalan Mega Mendung, baru-baru ini.

Menggaji warga asing tanpa permit

# DBKL keluar dua notis kompaun kepada premis

HAZIRAH HALIM

**SU** pemilik perniagaan warga tempatan menyewakan lesen niaga termasuk menggajikan pekerja asing terus menjadi tumpuan dan agenda utama kerajaan bersama agensi terlibat. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) secara amnya adalah pihak berkuasa tempatan (PBT) yang diarahkan untuk melakukan tinjauan dan pemantauan berkala terhadap premis-premis perniagaan di sekitar Kuala Lumpur seiring dengan tuntutan daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, baru-baru ini.

Kehadiran warga asing ke negara ini bukan sahaja memberi kebimbangan dan ketidakelesaan kepada penduduk tempatan malah mereka juga dilihat berani seolah-olah mahu mendominasi sesebuah kawasan terutama di Kuala Lumpur.

Walau bagaimanapun,

usaha pelbagai pihak untuk menangani permasalahan ini terus dipertingkatkan biarpun isu ini sudah membelenggu sejak beberapa tahun lalu.

Terbaharu, DBKL telah mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap sebuah premis di Jalan Mega Mendung kerana membenarkan dan menggajikan pekerja warga asing tanpa permit.

Susulan daripada itu, DBKL telah mengeluarkan dua notis kompaun di bawah Undang-Undang Kecil Penempatan Makanan (WPKL) 2016 (1)(b) terhadap premis tersebut.

“Warga asing yang digajikan tidak mempunyai permit bekerja yang sah. Walau apapun alasannya, peraturan perlu dipatuhi. Jika melibatkan warga asing perlulah dengan permit yang sah dan jangan mengali babakan lesen kepada mereka,” jelas DBKL dalam satu kenyataan pada Selasa.

Dalam perkembangan lain, DBKL turut mengeluarkan 12 kompaun

pelbagai jenis kesalahan terhadap premis perniagaan di sekitar kawasan Desa Sri Hartamas menerusi satu operasi yang dijalankan baru-baru ini.

Menerusi operasi Anti-Litter (anti-sampah) yang dijalankan oleh lapan petugas Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (JKAS) mendapati 12 kompaun yang dikeluarkan itu melibatkan lima kompaun di bawah Seksyen 46(1)(d) kerana meletakkan barang berhubung dengan Tred Perniagaan di tempat awam.

“Enam kompaun kerana meletak dan membuang kertas, abu, bangkai serta sampah sarap di tempat awam di bawah Seksyen 47(1)(a) serta satu kompaun di bawah Seksyen 47(1)(d) ekoran membuang sisa kotoran ke dalam longkang awam,” katanya.

Jelas DBKL, matlamat operasi dijalankan adalah bagi memastikan pemilik premis serta orang awam menjaga kebersihan persekitaran, tidak meletakkan halangan di atas siar kaki termasuk longkang kerana ia berupaya menghalang kerja-kerja pembersihan untuk dilaksanakan. **WK**



## GoKL: Warga asing dicaj

**BERAKHIR** sudah! Tiada lagi perjalanan percuma untuk warga asing yang menggunakan perkhidmatan bas GoKL mulai 1 Januari 2024. Sebaliknya mereka akan dikenakan bayaran RM1 bagi setiap perjalanan.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, langkah ini memang wajar dan baik untuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Dengan mengenakan bayaran, DBKL dijangka mampu memperoleh sumber pendapatan sehingga RM2 juta setahun.

Keistimewaan perjalanan percuma sewajarnya hanya untuk warga negara sahaja. Lagi pun sudah lama warga asing menikmati perjalanan percuma, sejak GoKL diperkenalkan pada 2012. Sampai masanya mereka dikenakan bayaran dan tidak terus berseronok naik bas percuma.

Menurut maklumat yang kawan-kawan Kedai Kopi terima, sejumlah 46 peratus yang menggunakan khidmat bas GoKL ialah warga asing. Laporan DBKL sebelum ini merekodkan kira-kira 30,000 penumpang menaiki GoKL setiap hari atau lebih kurang 918,000 penumpang setiap bulan.

Menurut Datuk Bandar, Datuk Sr Kamarulzaman Mat Salleh, dengan mengenakan caj ke atas warga asing membolehkan DBKL memperoleh hasil yang boleh digunakan semula untuk menampung kos operasi dan penyelenggaraan bas.

Ini secara tidak langsung boleh membantu menampung kenaikan kos dalam bajet

2024. DBKL baru-baru ini mengumumkan Bajet 2024 berjumlah RM2.66 bilion, pertambahan kira-kira RM60 juta berbanding tahun lepas. Perbelanjaan mengurus berjumlah RM2.01 bilion manakala perbelanjaan pembangunan ialah RM650 juta.

Pelaksanaan caj untuk warga asing akan dikenakan secara berperingkat membabitkan empat laluan di sekitar pusat bandar iaitu Laluan 01 (Hijau), Laluan 02 (Ungu), Laluan 03 (Merah) dan Laluan 04 (Biru).

Pembayaran caj adalah tanpa tunai sepenuhnya, sama ada menggunakan kad *Touch 'n Go* (TnG), kod QR, kad kredit atau kad debit. Untuk kanak-kanak di bawah 12 tahun ia adalah percuma tanpa mengira warga tempatan atau asing.

Namun kawan-kawan Kedai Kopi ingin ingatkan warga Malaysia yang mahu menikmati perkhidmatan percuma mesti menggunakan MyKad yang mempunyai sistem TnG. Seterusnya mesti membuat pendaftaran MyKad tersebut.

Antara tempat mendaftar ialah Hentian bas KLCC, Hentian Akhir Titiwangsa (Pekeliling) dan Hentian Akhir Pasar Seni. Pendaftaran boleh dibuat dari pukul 7 pagi hingga 12 tengah hari dan 2 petang hingga 7 malam.

Untuk kemudahan penumpang, petugas DBKL juga ditempatkan dalam bas GoKL terpilih.

## Doa dan harapan 2024

**MENJELANG** Isnin 1 Januari 2024 bersamaan 19 Jamadilakhir 1445, fajar Tahun Baharu 2024 bakal menjelma. Selamat datang tahun baharu meninggalkan tahun 2023 dalam lipatan sejarah, menyimpan segala kenangan serta peristiwa pahit manis.

Kawan-kawan Kedai Kopi tidak lupa mengucapkan Selamat Tahun Baharu kepada para pembaca ruangan ini, dan seluruh warga Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Harapan dan doa mengiringi semoga WP terus maju jaya, rakyatnya hidup sejahtera.

Sesungguhnya begitulah pusingan waktu ketentuan Allah. Hari, minggu, bulan dan tahun silih berganti. Setahun dirasakan begitu cepat berlalu. Ada yang merasakan belum sempat melaksanakan azam yang disemat awal tahun lalu.

Masa tidak akan menanti kita. Kita yang perlu menyesuaikan diri dengan peredaran masa.

Tahun baharu mungkin azam baharu pula dipasang. Haruskah azam tahun lalu dibiarkan berlalu atau disambung ke tahun ini?

Bagi WP, yang ingin kita lihat ialah ia terus meniti kejayaan serta bertambah makmur sementara warganya menjalani kehidupan lebih selesa. Harapan tinggi agar ketiga-tiga WP terus pesat membangun di samping keperluan warganya dipenuhi dan permasalahan dapat diatasi.

Kita mahu Kuala Lumpur terus maju sebagai ibu kota dan pusat ekonomi serta kewangan negara agar sama hebat seperti ibu kota lain di dunia. Isu utama yang dihadapi seperti perumahan, kesesakan lalu lintas, banjir dapat diatasi atau dikurangkan.

Harapan sama diletakkan kepada Putrajaya selaku pusat pentadbiran negara dan Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir. Kemajuan WP bermakna kebahagiaan juga untuk seluruh warganya tanpa mengira bangsa, agama dan kaum.



# Berlabuhnya tirai Skim WBB

**J**IKA tiada sebarang perubahan, Skim Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (WBB) akan melabuh tirai pada 31 Disember ini, dua hari lagi. Skim ini sudah beberapa kali disambung dengan sambungan terakhir pada Jun lalu untuk tempoh enam bulan sehingga Disember 2023.

Skim ini disambung setiap enam bulan sekali sejak pertama kali diperkenalkan pada November 2020 ketika pandemik COVID-19 melanda negara. Sambungan Jun hingga Disember ini adalah yang terakhir.

Perkara ini disahkan oleh Datuk Bandar, Datuk Sr Kamarulzaman Mat Salleh, dalam pertemuan bulanan dengan wakil rakyat parlimen Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur di ibu pejabat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 21 Jun lalu.

Matlamat WBB adalah untuk membantu golongan yang kehilangan sumber pendapatan akibat tempas COVID-19. Pandemik tersebut dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan sektor ekonomi terjejas teruk.

Banyak syarikat atau entiti perniagaan gulung tikar atau menghentikan operasi untuk sementara sehingga keadaan pulih. Akibatnya ramai pekerja diberhentikan. Bukan mudah memperoleh kerja lain dalam situasi sedemikian sedangkan kehidupan perlu diteruskan.

Kerana itu Skim WBB diperkenalkan untuk membantu. Dengan pelaksanaannya, mereka yang hilang kerja, terutama kategori B40, diberi ruang memperoleh sumber pendapatan dengan menceburi bidang perniagaan secara kecil-kecilan. Sekurang-kurangnya ia membantu mereka bernafas sehingga keadaan pulih.

Skim WBB disambung setiap enam bulan untuk membolehkan mereka yang terlibat terus



**SKIM yang diperkenalkan pada kemuncak pandemik COVID-19 bertujuan untuk membantu golongan yang terjejas memperoleh sumber pendapatan. - Gambar hiasan**

berniaga. Pada masa sama memberi peluang kepada peniaga baharu memohon untuk menyertainya. Sambutan skim begitu menggalakkan. Jumlah yang memohon bertambah.

Namun seperti yang Adi sebut, sambungan mulai Jun lalu hingga Disember ini adalah yang terakhir. Jika keputusan ini kekal, era WBB berakhir lusa. Memandangkan tidak ada perkembangan lanjut sehingga kini, Adi hampir pasti keputusan tersebut adalah muktamad.

Adi juga tidak menolak kemungkinan keputusan ini boleh berubah. Tidak mustahil Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa akan mengkaji semula, tambahan jika ada rayuan daripada para peserta skim.

Sememangnya Skim WBB diterima baik. Sambutan menggalakkan. Bukan sahaja yang terjejas dengan pandemik COVID-19 menyertainya, orang ramai lain turut memohon. Sesungguhnya terbukti ia menjadi pemangkin kepada ramai orang berjinak dengan perniagaan kecil-kecilan. Jika rajin berusaha mungkin boleh nanti jadi peniaga berjaya.

Para peserta tertarik dengan kaedah menyertainya yang mudah. Peniaga dibenar mendirikan khemah atau kanopi di tempat yang dipilih sendiri. Barang yang diniaga juga bebas asal tidak menyalahi undang-undang. Tetapi jika makanan, mesti yang siap dimasak kerana memasak di lokasi niaga tidak dibenarkan.

Sekalipun bebas, syarat utama mesti dipenuhi, iaitu memohon lesen daripada DBKL. Sehingga detik penghujung ini, tidak kurang 5,000 lesen telah dikeluarkan. Juga disyaratkan premis niaga tidak mengganggu pergerakan orang ramai, lalu lintas serta tidak menutup kawasan parkir.

Selain itu kebersihan kawasan niaga mesti dijaga setiap masa. Peralatan berniaga seperti kanopi atau khemah mesti dikemas dan disimpan selepas habis berniaga, tidak dibenar ditinggal di tapak niaga. Jika ingkar, akan disita.

Skim WBB ibarat sinar harapan kepada pesertanya kerana berjaya memupuk semangat berniaga dalam diri. Yang tidak ada pengalaman berniaga, segera

mesra dengan bidang baharu tersebut. Bagi Adi, Skim WBB berjaya mencapai sasaran menambah jumlah peniaga kecil.

Justeru sayang sekali skim ini dimansuh. Apa nasib para peniaga WBB apabila skim itu menemui noktah? Adi bertanya-tanya juga ke mana mereka membawa diri, terutama yang telah bertekad mahu menjadi peniaga berdasar pengalaman bermanfaat menyertai WBB.

Yang Adi difahamkan, mereka masih ada peluang berniaga tetapi bukan lagi di bawah WBB. Lokasi juga tidak bebas seperti dahulu, tetapi di tapak tetap yang disediakan oleh pihak berkuasa. Bagaimanapun peniaga diberi jaminan mereka akan beroperasi di lokasi lebih selesa seperti gerai makanan atau *food court*. Ini dinyatakan oleh Ahli Parlimen Wangsa Maju, Zahir Hassan, yang turut hadir dalam pertemuan dengan Datuk Bandar Jun lalu.

Langkah DBKL menamatkan WBB mungkin kerana pandemik COVID-19 sudah berakhir. Mereka yang hilang kerja sudah mula mendapat kerja semula. Jika pun begitu Adi percaya ramai yang mahu tetap terus berniaga. Oleh itu peluang wajar diberi.

Rungutan dalam kalangan orang ramai, terutama di kawasan di mana WBB beroperasi, juga dikatakan antara punca WBB ditamatkan. Rungutan disalurkan melalui media atau wakil rakyat di kawasan parlimen mereka.

Peniaga didakwa tidak mematuhi garis panduan

ditetapkan oleh DBKL. Mereka dikatakan menghalang pergerakan orang ramai dan kenderaan, membuat bising serta mengabaikan kebersihan persekitaran.

Di samping itu wujud dakwaan WBB disalah guna, misalnya ada yang beroperasi tanpa lesen. Artinya berniaga secara haram, mencacok khemah dan kanopi sesuka hati menyelit di celah-celah peniaga berlesen.

Perkara ini hanya dapat dikesan jika DBKL melakukan pemantauan berterusan. Sepatutnya peniaga bersikap jujur. Tetapi biasanya, akan ada sahaja orang yang mengambil kesempatan.

Pada Adi, perbuatan pihak tidak bertanggungjawab ini menjejaskan nama baik peniaga yang berniaga dengan jujur mencari rezeki. Akibat perbuatan orang lain, mereka terkena tempas.

Apa pun DBKL telah mengambil keputusan menamatkan WBB. Adi berharap nasib peniaga WBB akan tetap dibela. Simpati wajar diberi khususnya kepada mereka yang telah 'jatuh cinta' dan komited dengan perniagaan.

Kebanyakan yang menyertai Skim WBB adalah bumiputera yang memiliki semangat mahu menjadi peniaga. Beri peluang agar lebih ramai bumiputera menceburi perniagaan. Pada masa sama peluang untuk kaum lain tidak diabaikan.

Adi percaya pihak DBKL tidak akan mengabaikan peniaga WBB yang pada dasarnya muncul atas hasil usaha DBKL sendiri. Tentu ia sedang merangka kaedah terbaik menyerap peserta WBB. Jangan lupa 5,000 lesen telah dikeluarkan.

Jika para peniaga ini hendak ditempatkan di ruang niaga tetap atau *food court*, pastikan jumlahnya mencukupi untuk memenuhi semua permintaan. Bagi yang mungkin sudah tidak berminat lagi berniaga, tidak mengapa. Beri keutamaan kepada yang komited.

Kepada yang diberi peluang, gunakan sebaik-baiknya. Berniagalah dengan jujur serta mematuhi peraturan jika ingin menjadi peniaga berjaya walau di mana lokasi operasi. Jangan sewakan lesen untuk mencari untung segera.

Terimalah hakikat WBB telah sampai ke penghujung. Tempuhilah cabaran baharu dalam perniagaan. WBB atau bukan, konsepnya adalah sama iaitu berniaga. Berusahalah bersungguh-sungguh sampai berjaya. Jika tidak dipecah ruyung di manakan dapat sagunya!

**Adi—Sokong peniaga kecil**

*Adi Teah*

## RAGAM KOTA

F#minor



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**  
Tel: 03-8861 5260 E-mel: [editorwilayahku@gmail.com](mailto:editorwilayahku@gmail.com)



# Urus emosi di jalan raya



KU SEMAN KU HUSSAIN

**K**ARAKTER sesetengah dalam kalangan kita boleh bertukar dengan tiba-tiba, daripada tenang menjadi bengis dan pemarah apabila berada di atas jalan raya. Perkara yang kecil sekalipun boleh meletuskan reaksi yang tidak sepadan.

Malah ada yang sanggup bergaduh pada hal-hal yang boleh diselesaikan dengan ucap 'maaf' sahaja. Bagaimanapun hakikatnya cara mudah tu jarang berlaku. Banyak juga yang memilih rumit dan lagi merumitkan.

Itu bukan masalah yang dibuat-buat, malah banyak yang tidak perasan boleh menjadi seperti itu. Hal yang kecil seperti berebut lorong, pintas laluan atau tertekan hon misalnya boleh berakhir dengan tragedi. Besar sangatkah perkara-perkara itu - berebut lorong, pintas atau bunyikan hon?

Sememangnya bukan perkara besar. Tetapi disebabkan hilang kewarasan seketika, reaksinya telah membelakangkan susila dan pekerti. Sanggup bertumbuk dan paling tidak boleh diterima menggunakan senjata. Apakah sudah jadi dengan orang kita apabila di atas jalan?

Kalau ada yang potong laluan atau merambat lorong sekalipun, pantasnya tidak seberapa. Tidak sejauh manapun di depan. Yang dipintas pula tidak tertinggal. Dalam keadaan semua kenderaan bergerak macam siput babi, tidak ada siapa yang boleh pantas daripada itu.

Bagi yang waras tentulah berfikir tidak perlu membazirkan begitu banyak tenaga untuk melepaskan kemarahan suatu yang tidak berbaloi. Malah tidak boleh mengubah apa-apa - jalan tetap sesak seperti sedia kala. Bagaimanapun yang melakukan itu merasa puas untuk seketika, kemudian disiksa oleh rasa kesal yang panjang.

Memanglah semua orang berebut hendak cepat sampai ke tempat kerja atau balik ke rumah. Di rumah ada tugas lain yang menanti, begitu juga kalau ke pejabat. Tetapi kesesakan menjadi penghalang. Masa-masa beginilah pantang ada percikan, terus terbakar jadinya.

Memang mudah untuk kata 'bersabarlah.' Malah kata-kata



**KESESAKAN yang berulang-ulang setiap hari pagi dan petang menjadikan sesetengah pengguna jalan raya tertekan, kegelisahan dan kebimbangan melampau.**

itu sudah menjadi sangat klise, orang pun jemu mendengarnya. Perkara yang berlaku itu bukanlah sepenuhnya disebabkan kesesakan, tetapi ada hal-hal lain yang bergolak di fikiran.

Sebenarnya, kesesakan sahaja tidaklah terlalu memberi trauma dan tekanan. Misalnya terperangkap dalam kesesakan ketika bercuti dan sebagainya. Sekalipun sesak tetapi pengguna tidak dihipnotis oleh garis masa tertentu.

Berbeza ketika pergi atau balik dari kerja, pengguna dihipnotis oleh garis masa tertentu. Misalnya mesti berada di pejabat atau di rumah pada waktu sekian dan sekian. Kalau tidak, ada masalah lain yang terpaksa ditanggung.

Kalau tidak sampai ke tempat kerja pada waktu yang ditetapkan, terpaksa pula menjawab kepada ketua. Lebih-lebih lagi dalam kalangan majikan yang menganggap bahawa pekerja yang baik adalah datang tepat pada masanya. Hakikatnya semua itu bukan tanda aras pekerja berkualiti.

Terlalu lama berada di atas jalan mencetuskan tekanan. Pekerja yang tertekan menjejaskan kualiti kerja. Masa

yang terbuang di atas jalan sepatutnya dimanfaatkan untuk keluarga atau kerjaya. Hal yang sedemikian menimbulkan rasa tidak tenteram, terutama dalam kalangan ibu dan bapa.

Misalnya yang diambil untuk sampai ke tempat kerja pukul 9 pagi, di banyak tempat di Lembah Klang memerlukan seseorang perlu bangun selewat-lewatnya pukul 6 pagi. Ini termasuk menguruskan penghantaran anak ke tempat jagaan dan masa di atas jalan. Waktu balik pula pukul 6 petang tetapi hanya akan sampai ke rumah paling awal 8.30 malam.

Kesesakan yang berulang-ulang, setiap hari, pagi dan petang menjadikan sesetengah pengguna jalan raya tertekan (*stress*), kegelisahan dan kebimbangan melampau (*anxiety*) dengan keadaan itu. Ia sangat mengganggu - tidak kiralah semasa ke tempat kerja atau balik ke rumah.

Malah ada juga dalam kalangan pengguna jalan raya yang sudah sedia ada masalah kesihatan mental seperti yang disebutkan tadi. Keadaan di jalan raya menambahkan tekanan dan ketidaktentuan kepada golongan berkenaan.

Menurut statistik, pada setiap hari bekerja ada lebih kurang enam juta kenderaan bergerak di sekitar Kuala Lumpur terutama di pusat bandar raya. Statistik ini dicatatkan pada waktu puncak, pagi dan petang.

Jumlah itu adalah 85 peratus daripada keseluruhan kenderaan di bandar raya ini.

Hal itu menunjukkan sekitar 15 peratus daripada pemilik kenderaan di Kuala Lumpur memilih menggunakan pengangkutan awam. Disebabkan liputan jaringan pengangkutan awam belum menyeluruh, banyak yang terpaksa memandu ke tempat kerja.

Peningkatan jumlah kenderaan seperti di Kuala Lumpur boleh dilihat daripada dua sudut. Pertama, menunjukkan sektor ekonomi berkembang dengan pesat yang memungkinkannya kemampuan memiliki kenderaan menjadi tinggi.

Sementara sudut kedua, kesesakan disebabkan oleh sistem pengangkutan awam yang belum menyeluruh dan kekerapan laluan pada relatifnya masih rendah. Malah ada juga pengangkutan awam yang tidak menepati jadual sekali gus menyukarkan pengguna

merancang perjalanan dengan tepat.

Maka warga kota terpaksa memandu ke tempat kerja sekalipun perlu berbelanja lebih untuk bahan api, tol dan bayaran tempat letak kereta. Sudahlah terpaksa berbelanja lebih, terpaksa pula meredah kesesakan yang teruk dan memenatkan.

Kita tidak boleh menafikan bahawa golongan berpendapatan rendah yang menghuni kota besar seperti Kuala Lumpur berdepan cabaran yang berganda. Dengan kadar upah atau gaji yang pada relatifnya masih kecil, itulah sahaja sumber untuk menanggung semua kenaikan belanja sara hidup.

Dalam keadaan yang seperti itu termasuklah yang memiliki masalah kesihatan mental, sedikit sahaja yang berlaku di jalan raya terus meluap-luap amarahnya. Bukan sangat kerana kesesakan, tetapi disebabkan masalah-masalah lain yang membelit warga kota.

Keadaan itu menjadikan sesetengah pengguna jalan hilang kewarasan dan meluahkan 'kemarahan dan kekecewaan' terhadap kehidupan. Selepas sesuatu kejadian yang tidak diingini berlaku, pelaku itu pun baru sedar yang marahnya begitu menggilu.

Pada keadaan seperti itulah sesetengah orang menjadi begitu individualistik. Tidak menghiraukan kesan atau kepentingan orang lain asalkan ada dapat melepasi kemarahan. Bayangkan apabila kemarahan disambut dengan kemarahan, berlakulah seperti yang banyak dilaporkan di media.

Harapnya catatan yang pendek ini mampu membuka pemikiran sesetengah dalam kalangan kita untuk memahami golongan seperti itu. Misalnya golongan yang berdepan kesihatan mental yang tidak begitu baik ketika di jalan raya.

Kepada yang faham akan kewujudan masalah itu, perlulah mengambil pendekatan yang lebih tenang dan beralah. Latihkan diri untuk terus tenang berdepan provokasi. Lagipun jalan raya bukanlah tempat untuk menegakkan siapa benar dan salah.

Provokasi akan menjadi basi kalau tidak disambut. Setidak-tidaknya kita berusaha mengurangkan tragedi akibat kemarahan yang gagal diuruskan dengan baik.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM



UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!





# Dr Zaliha dan pilihan raya kerajaan tempatan



ZULKIFLI SULONG

**S**ELEPAS berehat selama setahun, kini Kementerian Wilayah Persekutuan wujud kembali. Kementerian ini mendapat menteri yang baharu iaitu Dr Zaliha Mustafa, bekas Menteri Kesihatan.

Sebagai menteri di kementerian yang diwujudkan semula, cabaran dan tanggungjawab yang dihadapi oleh Dr Zaliha yang akan memasuki era umur 60-an tahun depan ini amat besar.

Beliau perlu membuktikan bahawa memang wajar kementerian ini diwujudkan semula selepas direhatkan sebaik sahaja Datuk Seri Anwar Ibrahim dilantik sebagai Perdana Menteri ke-10 (PMX) tahun lalu.

Dr Zaliha perlu buktikan bahawa kementerian ini diwujudkan semula bukan untuk menjaga air muka beliau selepas tidak lagi terpilih sebagai Menteri Kesihatan. Beliau kena buktikan bahawa kementerian ini sememangnya diperlukan demi menjaga kepentingan penduduk di Kuala Lumpur, Putrajaya dan juga Labuan.

Sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha umpama menteri besar untuk ketiga-tiga wilayah tersebut. Di bawahnya ada tiga badan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang utama iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Perbadanan Labuan (PL). Setiap satunya ada ketua dan lembaga masing-masing yang perlu ditadbir oleh Dr Zaliha.



ZALIHA (kanan) selepas Majlis Sambutan Selamat Datang dan Sesi Taklimat DBKL di Menara DBKL baru-baru ini.

Sebagai menteri besar, Dr Zaliha perlu memastikan ketiga-tiga PBT ini berjalan dengan baik dan memenuhi kehendak penduduk di ketiga-tiga kawasan ini.

Yang lebih utama pula, Dr Zaliha bukan menteri besar di negeri-negeri kecil yang terkebelakang dari segi pembangunannya tetapi ibu negara (Kuala Lumpur) dan pusat pentadbiran (Putrajaya) kepada negara ini.

Baik pentadbiran beliau, maka baiklah imej pentadbiran negara ini di mata dunia dan rakyat Malaysia.

Sebaik sahaja memasuki pejabat di Menara Seri Wilayah di Putrajaya, Dr Zaliha dihadapkan dengan isu pilihan raya kerajaan tempatan. Sememangnya isu ini panas kerana rakyat negara ini mempunyai pandangan berbeza mengenainya.

Pandangan berbeza ini pula banyak diwarnai oleh isu

perkauman di mana orang Melayu melihat pilihan raya kerajaan tempatan bermakna Cina akan menguasainya kerana kebanyakan bandar-bandar yang mendominasi kerajaan tempatan dihuni oleh kaum Cina.

Apabila ini berlaku, aspek positif dari pilihan raya kerajaan tempatan ini tenggelam dengan sendirinya. Lalu dimainkanlah isu bahawa Cina mahukan pilihan raya kerajaan tempatan manakala Melayu pula menolaknya.

Isu pilihan raya kerajaan tempatan sudah lama dibincangkan. Pihak masyarakat sivil mahukannya bukan kerana isu kaum tetapi kecekapan perkhidmatan untuk rakyat akan meningkat dengan adanya pilihan raya kerajaan tempatan.

Ini kerana, isu penduduk di bandar tidak lari daripada isu jalan berlubang, longkang tersumbat, perumahan yang tidak mencukupi,

lif rosak dan seumpamanya. Jika ahli majlis kerajaan tempatan menjalankan tugas mereka dengan baik menguruskan isu-isu ini, penduduk yang akan mendapat manfaatnya.

Jadi, jika penduduk berkuasa memilih, mereka akan memilih ahli majlis yang terbaik untuk kepentingan mereka. Ia hanya akan berlaku jika pilihan raya kerajaan tempatan diadakan.

Ia jauh berbeza dengan isu dalam kalangan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di seluruh negara. Adun-Adun lebih berdepan dengan isu sakit, perkahwinan dan mati (SPM). Jika mana-mana ADUN berjaya melayani tiga isu ini, mereka akan mudah untuk menang dalam pilihan raya berikutnya.

Apabila ia mahu dilaksanakan, Dr Zaliha dan Kerajaan Perpaduan perlu menyeimbangkan isu perkauman ini dengan memberikan formula yang boleh menyelesaikan isu kaum ini.

Apabila isu pilihan raya kerajaan tempatan dibangkitkan media, Dr Zaliha nampaknya mengambil sikap untuk menepisnya dahulu dengan berkata, beliau akan berbincang dengan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang mana menterinya adalah Nga Kor Ming.

Dr Zaliha berkata beliau mengambil maklum cadangan berkenaan dan tidak menolak mengenai kepentingannya sepertimana dikemukakan oleh sesetengah pihak, namun perkara itu perlu diperhalusi secara mendalam.

"Bagaimanapun kalau kita tengok sebenarnya ia (PBT) di bawah (bidang kuasa) KPKT dan saya tidak menolak akan kepentingannya, jadi apa pun nanti saya juga akan berbincang dengan Menteri KPKT

(Nga Kor Ming) untuk memastikan bagaimana perkara ini dapat dilihat dan ditinjau lebih teliti," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis Sambutan Selamat Datang dan Sesi Taklimat DBKL di Menara DBKL.

Media sebelum ini, melaporkan Pengerusi DAP Kuala Lumpur Tan Kok Wai menggesa kerajaan memulakan pilihan raya PBT di ibu negara terlebih dahulu bagi menyemarakkan demokrasi di Wilayah Persekutuan.

Sebelum ini, ketika Pakatan Harapan (PH) memerintah negara, isu ini juga turut menjadi isu yang dibincangkan. Ketika itu, Menteri KPKT, Zuraida Kamarudin memaklumkan pihaknya akan membuat kajian mengenainya.

Sehinggalah kerajaan PH jatuh selepas 22 bulan, kajian itu tidak pernah diumumkan hasilnya kerana saya yakin Zuraida sedar betapa sensitifnya isu ini.

Dr Zaliha perlu disokong oleh media yang kuat untuk memastikan kejayaan yang beliau buat diketahui oleh rakyat. Atas dasar itulah media ini diwujudkan dahulu. Apabila penduduk Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan mendapat maklumat yang betul, maklumat yang betul jugalah yang akan sampai ke kampung-kampung apabila mereka pulang.

Suara atau pandangan penduduk bandar sentiasa menjadi pandangan yang dianggap benar dan betul bagi orang kampung. Maka jika Dr Zaliha berjaya menguasai pemikiran penduduk bandar (*opinion leader*), beliau akan berjaya juga di mata rakyat di Sekijang, kawasan yang beliau wakili sekarang. Selamat bertugas untuk Dr Zaliha Mustafa. **WK**

**PENULIS adalah bekas Setiausaha Akhbar untuk Menteri Wilayah Persekutuan.**

## PENGIKLANAN AKHBAR

<p><b>MUKA PENUH</b> 26 cm X 32 cm <b>RM7,500</b></p>	<p><b>SEPARUH MUKA</b> 26 cm X 16 cm <b>RM5,500</b></p>
<p><b>SUKU MUKA</b> 13 cm X 16 cm <b>RM4,500</b></p>	<p><b>PANEL BAWAH</b> 26 cm X 6 cm <b>RM4,500</b></p>

## PENGIKLANAN DIGITAL

<p><b>BANNER ATAS</b> <b>RM3,000</b></p>
<p><b>BANNER TENGAH</b> <b>RM2,500</b></p>
<p><b>BANNER TEPI</b> <b>RM2,500</b></p>

## IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

MEDIA WARGA KOTA  
**WILAYAHKU**

**50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.**

**BERMINAT?**

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

**03-8861 5260**

Alamat:  
**YWP MEDIA SDN BHD (1304797-X)**  
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya






**WKZ**

Bil 243, 29 DISEMBER 2023 - 4 JANUARI 2024

MEDIA WARGA KOTA  
**WILAYAHKU**



**Industri florikultur  
sumbang RM2.37 bilion**





## Simbolik orkid dari 9 negara

DIANA AMIR  
Foto: SYUQREE DAIN  
Video: HASIF HALIMI

**B**UNGA angerik atau orkid adalah antara keluarga tumbuhan berbunga yang pelbagai dan ditanam meluas di seluruh dunia selain dikenali kerana keindahan dan kepelbagaian bunganya yang menarik perhatian.

Keluarga orkid terdiri daripada lebih 25,000 spesies yang diiktiraf menjadikannya salah satu keluarga tumbuhan berbunga yang paling besar dan ia juga boleh dijumpai hampir di mana-mana di dunia dari kawasan tropika hingga kutub utara serta selatan.

Di Malaysia, terdapat lebih 808 spesies orkid yang unik. Bagi mengetengahkan jenis orkid, hibrid dan koleksi khas, Perbadanan Putrajaya (PPJ) menganjurkan Festival Orkid Putrajaya 2023 bertempat di Taman Botani, Presint 1, Putrajaya baru-baru ini.

Menurut Pegawai Pertanian Bahagian Pengurusan Hortikultur, Jabatan Landskap dan Taman PPJ, **Mariana Abdul Malik** antara tarikan khas sepanjang festival adalah pameran orkid dari sembilan negara.

"Dengan bertemakan Pesona Anggerik, kita menghimpunkan 600 pokok dengan penyusunan bunga dari sembilan negara Asia seperti Thailand, Singapura, Indonesia, Brunei, Filipina, Vietnam, Taiwan, Jepun dan juga Malaysia di mana setiap bunga mempunyai sejarahnya tersendiri yang dibawakan khas dari negara tersebut.

"Sebagai contoh Orkid Singapura atau secara rasmi dikenali sebagai *Papilionanthe miss joaquim* atau *Vanda miss joaquim* merupakan orkid hibrid dan bunga kebangsaan Singapura.

"Orkid tersebut dipilih pada 15 April 1981 untuk mewakili keunikan



**BUNGA orkid yang memenangi tempat pertama.**

dan budaya hibrid Singapura kerana daya tahannya dan bunga ini juga popular serta boleh mekar sepanjang tahun di bawah keadaan matahari penuh yang betul, kelembapan yang tinggi serta pembajaan yang kerap.

"Ia dibiakkan dengan keratan batang dan tumbuh subur dalam campuran media kulit kayu dan bahan organik. Malangnya, terdapat kebimbangan mengenai masa depan orkid *Miss Joaquim* dan usaha sedang dilakukan bagi memelihara serta menjaga orkid ini," terangnya Orkid *Papilionanda* yang juga dikenali sebagai Orkid Singapura melambangkan kekayaan biodiversiti dan pencapaian hortikultur negara.

Sementara itu, Orkid *Phalaenopsis* dari Taiwan dibawa masuk memandangkan ia merupakan salah satu spesies yang paling popular dan ditanam secara meluas di seluruh dunia kerana bunga yang menakjubkan dan senang dijaga.

Turut dikenali sebagai orkid

rama-rama, ia ditanam secara besar-besaran di ladang orkid dan tapak semaian khusus di Taiwan memandangkan negara itu juga terkenal dengan teknik dan kepakaran termaju dalam menghibridkan Orkid *Phalaenopsis* sekali gus menghasilkan pelbagai warna, corak dan saiz.

"Selain popular sebagai tumbuhan dalaman, Orkid *Phalaenopsis* biasanya digunakan dalam jambangan perkahwinan dan sebagai hadiah," jelasnya daya tarikan dan ketersediaan yang meluas telah menjadikan mereka salah satu spesies orkid yang paling dikenali dan digemari di seluruh dunia.

Beralih ke negara matahari terbit, Mariana berkata Orkid *Cymbidium* sememangnya popular di Jepun dan mempunyai sejarah penanaman yang panjang di negara ini serta sangat dihormati kerana bunganya yang besar dan menonjol selain digunakan secara meluas dalam gubahan bunga tradisional dan kontempori.



**MARIANA (kanan) dan Shazlin antara tulang belakang bagi penganjuran festival.**

"Di Jepun, ia dikenali sebagai Sui-ran atau Nagoran dan dihargai kerana kecantikan serta penampilan elegan. Ia sangat popular semasa musim bunga dan luruh. Daunnya yang panjang seperti rumput dan tegak datang dalam pelbagai warna selain pelbagai variasi corak dan tekstur berlainan.

"Bukan sahaja ditanam sebagai tumbuhan pasu tetapi juga digunakan secara meluas dalam Ikebana iaitu seni gubahan bunga tradisional Jepun. Bunganya yang tahan lama, warna-warna cerah dan bentuk yang anggun menjadikannya pilihan popular untuk pengamal Ikebana.

"Selain itu, bunga ini juga sangat dihargai sebagai bunga potong dan kerap digunakan dalam pameran bunga, jambangan perkahwinan dan majlis istimewa lain di Jepun," jelasnya ia sesuai dengan iklim Jepun yang mempunyai perubahan bermusim berbeza.

Mengulas lanjut, Mariana berkata di Thailand pula Orkid

*Vanda* dipandang tinggi kerana kecantikannya yang meriah dan eksotik.

"Ia adalah spesies orkid popular yang ditanam secara meluas dan dikagumi kerana warnanya menakjubkan dan bentuk bunga yang unik manakala di Brunei ia lebih dikenali dengan Orkid *Aranda*, meskipun ia orkid kacukan popular yang dibangunkan di Singapura tetapi menjadi terkenal dan diusahakan secara meluas di seluruh Asia Tenggara," katanya.

Beralih ke negara jiran Indonesia, Mariana berkata Orkid *Den spathulata* yang juga dikenali sebagai Orkid Indonesia adalah spesies asli Indonesia yang terkenal dengan warna-warna cerah dan bentuk yang unik, menjadikannya sumber inspirasi menarik untuk konsep reka bentuk bertemakan negara itu.

Di Filipina pula terdapat spesies Orkid *Renanthera* yang mempunyai 15 spesies. Ia adalah monopodial yang bermaksud mereka mempunyai tabiat pertumbuhan



menegak tanpa *pseudobulbs* untuk penyimpanan air.

"Saiznya boleh berbeza-beza, dengan sesetengah spesies tumbuh sehingga dua meter tinggi, manakala yang lain hanya beberapa inci panjangnya. Spesies ini lebih suka iklim panas dan lembap dan biasanya ditemui di kawasan yang cuacanya optimum dan paling baik ditanam dalam bakul selat kayu.

"*Renanthera philippinensis* adalah orkid bersaiz sederhana yang boleh tumbuh di kawasan paya bakau di dataran rendah, mempunyai batang yang tegak hingga separuh terjulur dan daun berkulit dengan cuping yang tidak sama pada puncaknya," jelasnya spesies tersebut mempunyai keperluan penjagaan yang unik.

Menurut senarai semak yang dikemas kini, Mariana berkata terdapat kira-kira 897 spesies orkid dalam 152 genera yang diketahui berlaku di Vietnam.

"Antaranya adalah *Arundina graminifolia* iaitu Orkid *Terestrial* yang mempunyai batang buluh membentuk rumpun besar, tumbuh hingga ketinggian antara 70 sentimeter (cm)

dan 2 meter (m), daunnya adalah anyaman dan linear, berbentuk bujur pisau pembedah dengan panjang 9 hingga 19 cm manakala lebar 0.8 hingga 1.5 cm," katanya.

Akhir sekali, di Malaysia pula mempunyai Orkid Harimau di mana ia merupakan spesies berbunga besar dan jarang ditemui di seluruh Malaysia dan Asia Tenggara.

"Mempunyai rupa bercorak kuning dan coklat terang yang menyerupai harimau, Orkid Harimau atau nama saintifiknya *Grammatophyllum speciosum* ialah spesies orkid tertinggi di dunia dengan beberapa spesimen mencapai ketinggian lebih 6m.

"Ia berasal dari hutan tropika panas dan lembap di Malaysia, Sumatera dan New Guinea. Spesies ini juga dikenali sebagai Orkid Tebu kerana persamaannya dengan batang tebu, walaupun spesies ini jarang ditemui dalam penanaman kerana saiz dan tabiat pertumbuhannya, ia dihargai secara meluas kerana keindahannya dan terkenal dalam kalangan pengumpul," ujarnya secara keseluruhan Orkid Harimau mempunyai kepentingan budaya dan hiasan di Malaysia.

WK



PAMERAN, pertandingan dan bengkel terarium turut diadakan bagi memperkenalkan seni tersebut kepada orang ramai.



RENANTHERA



ORKID Harimau



VANDA



ARANDA

## Jana pendapatan negara

**INDUSTRI** florikultur (bunga-bunga) terutamanya bunga orkid menjadi salah satu penyumbang kepada nilai eksport negara. Mengikut rekod, nilai eksport industri bunga-bunga ini berjumlah RM2.37 bilion bagi tempoh tiga tahun iaitu dari 2017 hingga 2021.

Terbaharu, Malaysia menerokai pasaran baharu eksport industri tersebut ke Asia Barat iaitu Dubai bagi melonjakkan semula sektor ekonomi yang merundum ketika tempoh pandemik COVID-19.

Menurut Presiden Persatuan Anggerik Selangor dan Wilayah Persekutuan, **Vincent**, industri bunga-bunga khususnya anggerik atau lebih dikenali sebagai orkid mempunyai pasaran yang luas.

"Pasaran orkid kita sebenarnya agak luas antaranya adalah di Asia, Eropah, Amerika, Australia dan juga timur tengah. Malaysia merupakan negara pengeksport kesembilan dunia menerusi industri florikultur.

"Ia merangkumi jualan orkid dalam flask (*plantlet*), anak pokok

(*seedling*), pokok sederhana (*near-blooming size*), pokok dewasa (*blooming size*), bunga potong, bunga sekuntum dan bunga orkid yang di *epoxy*," jelasnya yang turut terlibat dalam Festival Orkid Putrajaya 2023 yang diadakan di Taman Botani, Putrajaya pada 14 sehingga 25 Disember lalu.

Vincent berkata persatuannya terlibat 100 peratus bagi penganjuran di mana seramai 27 peserta yang merupakan ahli di bawah Persatuan Orkid Malaysia telah menyertai Pertandingan Orkid yang diadakan pada festival tersebut.

"Pertandingan orkid ini melibatkan 12 kategori dengan 60 kelas tanaman orkid yang dipertandingkan," ujarnya sebanyak 620 pokok berdaftar dalam pertandingan tersebut.

Bertanggungjawab sebagai ketua juri bagi pertandingan tersebut, Vincent berkata beberapa kriteria utama diambil kira dalam pemilihan para pemenang.

"Antara kriteria penghakiman adalah panjang semburan bunga, saiz bunga, bilangan bunga



ISTERI Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Dr Wan Ismail (lima kanan) melancarkan hibrid orkid baharu yang dinamakan bersempena namanya di Festival Orkid Putrajaya 2023.

dan warna. Sebagai contoh, jika bahagian kuning, kuning terang akan menang berbanding kuning kusam atau kuning kotor.

"Selain itu, bentuk bunga hendaklah sekata dan bulat,

manakala dari segi gubahan bunga pula gubahan yang baik dan sekata lebih diutamakan," jelasnya kesihatan pokok turut diambil kira.

Berkongsi mengenai

perancangan seterusnya, Vincent berkata pihaknya akan mengadakan program berkaitan orkid pada Mac 2024 dengan kerjasama Persatuan Orkid Taiping.

WK





FIGURA mini Lego Gladiator yang hanya dihasilkan sebanyak 3,000 unit di seluruh dunia.



EZRIN menunjukkan set lego technic yang mengambil masa tiga hingga lima hari untuk disiapkan.



## Jurutera bongkah kecil berjiwa besar

SYUQREE DAIN  
Video: HASIF HALIMI

**S**EAWAL usia dua tahun, pencipta kandungan popular **Ezrin Nazan** atau lebih dikenali dengan panggilan CEO of LEGO didedahkan dengan permainan Lego apabila menerima bongkah kecil tersebut sebagai hadiah hari lahir oleh kedua orang ibu bapanya.

Bermula daripada situ, minat tersebut berkembang sehingga dia mampu membuka perniagaan berasaskan Lego, The Bricks Nation yang terletak di Jalan Dataran Cheras 9 dan The Starling Mall, Petaling Jaya.

Sehingga kini, nilai keseluruhan model lego yang dimilikinya mencecah RM600,000 dan dalam masa yang sama, dia merupakan satu-satunya pemilik figura mini Lego Gladiator di Malaysia di mana koleksi untuk pasaran

Rome, Italy pada tahun 2020 itu hanya mempunyai 3,000 unit sahaja di dunia.

Menurut Ezrin, set lego pertama hasil titik peluhnya sendiri adalah siri animasi The Simpsons berharga RM900 yang dibeli sewaktu bekerja sebagai *office boy* ketika berusia 22 tahun.

"Ketika itu, gaji saya hanya RM1,500 namun ia merupakan satu kepuasan apabila dapat memiliki animasi yang terlalu diminati. Bagi saya hobi ini boleh dijadikan pelaburan. Buktinya, set The Simpsons yang dibeli pada harga RM900, kini boleh dijual dengan harga RM2,500.

"Kemudian apabila saya bergelar pereka hiasan dalaman dan juga jurutera, saya tertarik dengan siri Modular Buildings iaitu Lego berasaskan model-model bangunan serta hiasan rumah kerana ia berkait rapat dengan kerjaya saya,"

ujarnya.

Bercerita lanjut, Ezrin berkata masa terluangnya dimanfaatkan dengan membuat kajian mengenai rekaan lego yang bakal dilancarkan selain merancang perbelanjaan bagi pembelian lego kerana setiap bulan model terbaharu dikeluarkan.


"Tidak semua model akan dibeli kerana saya akan membeli mengikut kemampuan dan minat. Sejak tahun 2010 sehingga kini, dianggarkan lebih RM200,000 telah dibelanjakan untuk membeli 300 set lego dengan nilai keseluruhan modal mencecah RM600,000," ujar pengumpul tegar ini yang menjual pelbagai model terbaharu Lego bermula harga mampu milik.

Berkongsi tentang kategori lego yang berada di pasaran iaitu bayi, kanak-kanak, remaja serta dewasa, penerima Top





ANTARA set lego yang diubah suai oleh Ezrin dan mencerminkan hobi lainnya iaitu menyelam.



Creative Creator Award ini berkata, set lego untuk bayi ialah Lego Duplo. "Bagi kanak-kanak dan remaja pula ialah Lego Classic, Lego Creator 3 in 1, Lego City, Lego Technic dan Lego Friends sementara dewasa pula Lego Icons, Lego Ideas, Lego Creator dan sebagainya yang didatangkan dalam lingkungan umur lapan tahun serta 16 tahun ke atas," ujarnya yang pernah menjadi juri Legoland School Challenge dan First Lego

League Malaysia. Ditanya tentang masa yang diambil untuk menyiapkan sesebuah set lego, Ezrin berkata ia bergantung kepada jenis dan saiz Lego tersebut. Jika bersaiz kecil, kebiasaannya dalam lingkungan satu hingga satu setengah jam, sementara bagi saiz sederhana, dua hingga ke tiga jam manakala saiz besar pula mampu mencecah lapan sehingga 12 jam. "Set paling sukar yang pernah dipasang ialah set

Lego Technic Ferrari Daytona SP3 yang melibatkan 3,778 kepingan lego, masa paling lama yang pernah diambil untuk menyiapkan set lego Technic ialah tiga hari namun set tersebut memerlukan lebih lima hari untuk disiapkan," ujarnya berhasrat membuka muzium mini bagi memberi peluang mereka yang tidak berkemampuan untuk melihat dengan lebih dekat pelbagai jenis lego yang unik dan menarik. WK



LEGO juga mengeluarkan set edisi khas yang melambangkan sesebuah negara.





TUNTUTLAH ilmu agama sehingga kita mampu faham bahawa perbezaan ulama dalam perkara khilafiyah adalah suatu rahmat. - Gambar hiasan

# Muliakan ulama pewaris dakwah Nabi SAW

**M**ENURUT Ibnu Khaldun dalam karya agungnya, Muqaddimah, perkembangan peradaban manusia sentiasa mengalami kitaran. Ia bermula dari peringkat awal atau permulaan, diikuti peringkat perkembangan dan kecemerlangan, dan diakhiri dengan fasa kelemahan dan kejatuhan.

Pada abad ke-IV hijrah telah menyaksikan para ulama dalam dunia Sunni mengesyorkan agar pintu ijtihad ditutup kerana berlaku fitnah apabila golongan yang tidak berkelayakan cuba untuk memberi pandangan hukum dan bertindak umpama orang alim.

Ia juga bagi mengelak kerosakan yang lebih besar dan ketidak harmonian dalam masyarakat. Senario ini juga timbul ekoran berlakunya perpecahan semakin besar dalam kalangan masyarakat Islam akibat kefanatikan dan kejahilan.

Situasi yang sama kini berulang mutakhir ini apabila timbul senario yang membimbangkan dalam masyarakat Islam di Malaysia. Agama dipertandingkan dan ulama dihina kerana mempunyai pandangan yang tidak selari dengan selera mereka.

Golongan jahil, fasiq dan munafiq berleluasa menghina Nabi dan ajaran agama Islam serta para ulama. Ketika ulama berdiam diri, mereka digelar dengan syaitan bisu, manakala ketika ulama memberi pandangan, mereka digelar ulama su' atau jahat.

Dalam situasi yang serba tidak kena, ulama yang menyuarakan pandangan dikecam dan ulama yang berdiam diri turut dikecam. Bagaikan lidah tidak bertulang, jari jemari golongan ini sama laju dengan lidah untuk mengecam pandangan dan menghina ulama di media sosial.

Pada dasarnya, dalam menentukan pandangan tentang hukum agama, seseorang perlu mempunyai kelayakan yang sewajarnya, bukan sekadar

mengetahui melalui apa yang dibaca melalui Internet dan media sosial. Seorang ulama akan mengeluarkan hukum berpandukan kepada garis panduan ijtihad yang sistematik. Ia merangkumi rujukan terhadap nas Al-Quran dan al-Sunnah, ijmak, qiyas dan sumber sekunder di samping mengambil kira kemaslahatan ramai dan juga realiti serta budaya setempat. Ia bukanlah pertimbangan berasaskan logik akal atau dorongan hawa nafsu semata-mata.

Para ulama menjaga amanah ilmu yang diwariskan dari zaman Nabi SAW. Malahan para ulama tidak boleh berdiam diri dalam perkara mungkar walaupun ia dibenci oleh ramai orang. Ini kerana perkara hak dan batil selamanya tidak akan bersatu. Walau bagaimanapun, setiap orang mempunyai ruang untuk tidak bersetuju dengan pandangan ulama kerana perselisihan pandangan dalam kalangan ulama adalah rahmat kepada umat Islam.

Namun begitu, jangan terlalu fanatik hingga memaki hamun ulama yang mempunyai pandangan yang berbeza. Tidak perlu digelar ulama upahan, ulama suruhan, ulama mata duitan dan sebagainya.

Dengan itu, tidak perlu menghina ulama khususnya mufti yang dilantik oleh Ulil Amri. Ini kerana mereka yang dilantik adalah dalam kalangan yang berkelayakan. Ingatlah, pegangan orang awam adalah pandangan mufti. Jika orang Islam menunjukkan contoh bagaimana hinanya kedudukan orang alim kepada orang luar Islam, maka tiada lagi kehormatan buat para ulama.

Jelasnya, sikap yang menghina dan menjatuhkan ulama dan menolak pandangan mereka ini berkait rapat dengan tradisi kajian sarjana orientalis. Mereka mengkaji Islam, pandangan ulama, karya ulama dan budaya masyarakat Islam untuk mencari keburukan dan kelemahan, bukannya kekuatan dan

kebaikan.

Justeru ramai umat Islam terpengaruh dengan pendekatan tradisi orientalis yang memburukkan ulama. Mereka gagal membezakan antara ulama dengan musuh sehingga tidak rasa bersalah melakukan penghinaan. Sikap memburukkan ulama ini telah meresap ke dalam masyarakat Islam dan membentuk budaya berfikir yang rosak.

Nabi Muhammad SAW telah bersabda: *Bukan termasuk umatku, siapa yang tidak memuliakan orang yang lebih tua, menyayangi orang yang lebih muda dan mengetahui hak-hak orang alim* (HR Ahmad).

Berdasarkan hadis ini jelaslah bahawa menjadi kewajipan setiap muslim untuk menghormati dan memuliakan para ulama, tanpa berlebihan-lebihan atau merendahkan mereka. Perbuatan mengolok-olokkan ulama, menghina atau menggelar mereka secara terang-terangan bertentangan dengan perintah untuk memuliakan mereka.

## KESESATAN BERFIKIR

DALAM kalangan masyarakat awam di Malaysia, terdapat pelbagai kelompok dalam berinteraksi dengan ulama dan agama. Di antara mereka ada kelompok yang menjauhi ulama dan agama dan ingin melepaskan diri dari ikatan agama atas nama kebebasan.

Kelompok ini cenderung untuk menghina ulama, Nabi dan ajaran Islam tanpa rasa dosa dan salah. Kedua adalah kelompok yang mendekati agama dan ulama, tetapi ada yang ekstrem menolak ulama yang dilantik oleh kerajaan.

Mereka juga cenderung untuk melabel dan menghina ulama yang tidak seiring dengan pandangan kelompok mereka. Bagi mereka, ulama lantikan ini tidak amanah, takut hilang jawatan, bermata duitan dan boleh dicucuk hidung. Begitu

hinanya ulama di mata mereka.

Pada masa kini, ada kalangan umat Islam yang mengalami beberapa gejala. Pertama gejala meloncat-loncat dalam corak berfikir. Ia juga berkait dengan istilah 'whataboutism', iaitu kesesatan cara berfikir dengan mengalihkan topik perbincangan awal dengan isu lainnya.

Misalnya ketika mempertikaikan pandangan ulama tentang pengharaman vape, mereka mempersoalkan kenapa ulama tidak memberi komentar tentang isu poligami. Kedua, efek *dunning-kruger*, iaitu seseorang merasakan kemampuan ilmunya lebih hebat dari orang lain.

Apabila ulama memberikan pandangan tentang suatu hukum, mereka merasakan diri lebih pandai. Contohnya ketika ulama menyatakan pandangan tentang penjarakan solat, mereka melabel ulama tidak mengikut sunnah Nabi SAW. Ketiga, gejala 'palatao' yang merasakan diri serba tahu berbanding ulama. Misalnya ketika ulama memberikan pandangan tentang hukum, mereka juga memiliki koleksi hukum tersendiri. Keempat gejala ketaksuban terhadap guru dan menafikan kapasiti ulama lain.

Perbezaan pandangan dalam kalangan ulama diteruskan oleh para pengikut hinggalah ke tahap saling caci maki dan menghina. Mereka sentiasa hidup dalam provokasi dan perbalahan kerana merasakan terpalang benar. Kelima, gejala belajar tanpa guru dan hanya merujuk kepada carian Internet dan media sosial. Mereka merasakan punya kefahaman dan pandangan yang lebih tepat berbanding ulama.

Tegasnya, bahawa mulutmu harimaumu, maka kurunglah ia sebaiknya. Justeru, setiap perkataan yang lahir daripada lidah, setiap tulisan yang terhasil daripada jari jemari dan setiap perbuatan yang dilakukan ada perkiraan baik dan

**“Sikap yang menghina dan menjatuhkan ulama dan menolak pandangan mereka ini berkait rapat dengan tradisi kajian sarjana orientalis. Mereka mengkaji Islam, pandangan ulama, karya ulama dan budaya masyarakat Islam untuk mencari keburukan dan kelemahan, bukannya kekuatan dan kebaikan.**

buruknya di sisi Allah.

Sesungguhnya pertarungan ideologi akan sentiasa berterusan, maka didiklah pengikut masing-masing agar berakhlak selari dengan ajaran Islam dan teladan Baginda SAW.

Konklusinya, sebagai orang awam atau agamawan, hormatilah pandangan ulama yang berautoriti kerana tiap pandangan yang diberikan adalah berdasarkan kepada pertimbangan ilmu. Jangan terikut-ikut dengan gejala menghina ulama dan agama.

Tuntutlah ilmu agama sehingga kita mampu faham bahawa perbezaan ulama dalam perkara khilafiyah adalah suatu rahmat kepada umat. Di samping itu, jagalah adab kerana sopan santun dan budi pekerti merupakan kearifan yang menjadi darah daging dengan masyarakat Melayu.

**PENULIS** Profesor Madya Dr Mohd Anuar Ramli merupakan Profesor Madya di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.



# Uji tahap pemanduan dalam pusat beli-belah



Info

Tingkat 3,  
Shamelin Mall

010-367 6040

@PLSC\_malaysia  
@plscdrift\_hq

HAZIRAH HALIM  
FOTO: SYUQQREE DAIN  
VIDEO: HASIF HALIMI

**A**KTIVITI go-kart merupakan salah satu cabang sukan permotoran yang dikategorikan sebagai aktiviti ekstrem yang mampu mencabar adrenalin. Menariknya aktiviti kenderaan berenjin ini biasanya dilakukan di luar (*outdoor*) namun kini ia boleh didapati dalam pusat beli-belah.

Salah satu aktiviti go-kart yang menjadi tumpuan adalah di PLSC Drift yang terletak di One Shamelin Mall, Cheras, Kuala Lumpur di mana pengunjung boleh merasai pengalaman memandu *drift* kart menggunakan kenderaan elektrik (EV) atau kereta bateri di litar yang berkeluasan 300 meter.

Pengurus Operasi, **Chai Kar Chin** atau mesra disapa Alex berkata PLSC Drift merupakan aktiviti pertama di Malaysia yang mewujudkan pemanduan kenderaan *drift* yang berkelajuan sejauh 27 kilometer (Kmh).

"Kami mula beroperasi pada bulan April 2023. Di sini kami menawarkan dua kategori aktiviti yang sesuai

untuk semua peringkat umur iaitu *drift* kart dan *high speed* kart.

"Perbezaan bagi kedua-dua kategori ini adalah dari segi aspek permainan dan tahap kelajuan di mana *drift* kart lebih tertumpu kepada pemanduan *drift* manakala *high speed* kart adalah jenis kenderaan yang sama seperti go kart biasa namun lebih laju dan sesuai untuk perlumbaan.

"Bagi yang sudah biasa, kebanyakannya akan mengambil *drift* kart kerana keunikannya. Sementara itu, ibu atau bapa juga boleh membawa anak mereka untuk turut sama merasai keseronokan bermain *drift* kart di dalam litar.

"Namun, bagi mereka yang mahukan kelajuan pula lebih tertarik untuk memandu *high speed* kart kerana ia sesuai untuk perlumbaan di mana kelajuan adalah sehingga 40 Kmh," katanya.

Memilih menggunakan kenderaan elektrik (EV) adalah salah satu langkah yang sesuai dan wajar sekiranya melakukan aktiviti ini di dalam pusat beli-belah.

Ia bukan sahaja memelihara alam sekitar daripada aspek pencemaran asap dan bunyi malah EV juga

tidak memerlukan kuasa yang dijana oleh enjin sebaliknya hanya menggunakan bateri.

"Elektrik kart lebih selamat berbanding kenderaan berenjin dan sesuai untuk golongan dewasa mahupun kanak-kanak. Bagi *drift* kart, penggunaan bateri ini boleh tahan sekurang-kurangnya dua hingga tiga jam manakala *high speed* pula satu setengah jam sehingga dua jam.

"Selain itu, kenderaan EV juga menjimatkan bahan api dan kosnya lebih murah berbanding enjin yang dijana oleh bahan api fosil iaitu minyak petrol. Jadi, aktiviti kami tidak membahayakan dan pemandu boleh mengawal sendiri had kelajuan tersebut," katanya.

Ditanya mengenai aspek keselamatan, Alex berkata pihaknya akan memberi taklimat ringkas terlebih dahulu kepada pengunjung sebelum memulakan pemanduan selain turut menggalakkan mereka untuk memakai pakaian dan kasut yang bersesuaian.

"Keselamatan pengunjung adalah keutamaan kami. Biasanya, sebelum memulakan pemanduan, pekerja akan memberi taklimat ringkas mengenai trek litar, aspek pemanduan dan cara menguruskannya.

"Taklimat ini penting bagi

## Tawaran istimewa beli 1 percuma 1

**ISTIMEWA** kepada semua pengikut setia *TikTok*, @plsc\_malaysia dan @plscdrift\_hq, Alex berkata pihaknya menawarkan promosi harga beli satu percuma satu kepada pengunjung yang hadir melakukan aktiviti di One Shamelin Mall Kuala Lumpur.

Alex berkata menerusi promosi tersebut, pengunjung boleh mendapatkan harga promosi bernilai RM18 (5 minit) dan RM30 (10 minit) bagi *drift* kart manakala *high speed* kart pula berharga RM48 (10 minit) dan berpeluang

menerima pakej promosi beli tiga percuma satu.

Sementara itu, Alex menjelaskan peruntukan masa lima minit untuk *drift* kart ditetapkan berdasarkan saiz dan kepanjangan trek.

"Nampak mudah tapi sebenarnya sukar untuk dipandu. Mereka perlu pandai mengawal arah dan stereng terutama ketika selekoh. Karting ini adalah antara sukan berintensiti tinggi yang boleh membakar lemak, lapan minit *go-karting* bersamaan dengan setengah jam berjoging," katanya.



TAKLIMAT ringkas akan diberi sebelum memulakan pemanduan.

memastikan tiada sebarang kemalangan atau kecederaan. Sekiranya berlaku pelanggaran, kemalangan atau kecederaan, pekerja yang bertugas akan datang membantu.

"Kami tidak akan melepaskan kedua-dua kategori serentak misalnya kami akan tangguhkan dahulu pergerakan *high speed* kart sekiranya kereta *drift* kart sedang beraksi di

litar," katanya litar tersebut boleh memuatkan sebanyak 18 kereta dalam satu masa.

Tambah Alex, bagi kategori kanak-kanak, pihaknya hanya membenarkan mereka yang berumur lima tahun dan ke atas akan mengukur ketinggian terlebih dahulu sebelum menentukan layak bermain *drift* kart atau *high speed* kart. **WK**



IMBAS  
KOD QR  
UNTUK  
MENONTON  
VIDEO







DEKORASI hiasan khemah dihasilkan bersesuaian dengan cita rasa, tema dan tempat yang dipilih pelanggan.

## Dekorasi hiasan khemah jadi fenomena

KHAIRUL IDIN

**B**ERKHEMAM sambil menikmati suasana alam semula jadi di persisir pantai semestinya memberi ketenangan jiwa ditambah lagi dengan hiasan khemah yang indah sudah semestinya menjadi pilihan ramai.

Aktiviti tersebut semakin mendapat sambutan termasuklah di Wilayah Persekutuan Labuan di mana hampir setiap hari warga di pulau bebas cukai itu tidak melepaskan peluang untuk bersantai bersama keluarga tercinta di kawasan terpilih.

Memandangkan permintaan terhadap dekorasi khemah yang semakin menggalakkan, **Faizah Ibrahim**, 47, atau lebih mesra disapa Kak Pai mengambil kesempatan menjalankan perkhidmatan Picnic Deco Labuan sejak empat tahun lalu.

Katanya, idea tersebut muncul apabila dia melihat trend hiasan khemah yang diketengahkan oleh masyarakat luar negara melalui platform media sosial. Percubaannya tidak sia-sia apabila ia menjadi fenomena di pulau tersebut terutamanya pada hujung minggu dan cuti umum.

"Pada mulanya saya hanya menjalankan perkhidmatan ini secara kecil-kecilan namun tidak menyangka mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Ramai yang inginkan dekorasi khemah untuk sambutan hari lahir, ulang tahun perkahwinan, bakal pengantin dan sebagainya.

"Tambah pula harga atau kadar

sewa yang saya tawarkan amat berpatutan bermula harga RM100 mengikut jenis hiasan dan barangan yang diinginkan oleh pelanggan," katanya.

Menurut Kak Pai, bagi menarik lebih ramai pelanggan, pihaknya sentiasa membuat promosi tawaran harga istimewa pada bulan-bulan tertentu dengan harga jauh lebih murah berbanding asal.

Ber cerita lanjut mengenai cabaran mengetengahkan idea dan kreativiti untuk dekorasi khemah, Kak Pai berkata hiasan berkonsepkan *glamping* lebih mencabar untuk dihasilkan berbanding khemah biasa yang boleh disiapkan dalam tempoh 10 minit sahaja.

"Hiasan berkonsepkan *glamping* agak sukar sedikit dan perlu mengambil masa sekurang-kurangnya setengah jam untuk memikirkan idea dan

kreativiti selain perlu melihat keadaan cuaca sebelum memacak khemah.

"Kebiasaannya jika ada pelanggan yang membuat tempahan, saya akan melakukan kerja-kerja dekorasi dan hiasan lebih awal supaya hasil yang diperoleh lebih kemas.

"Jadi, biasanya saya akan mengambil tempahan sekurang-kurangnya dua hari sebelum majlis berlangsung untuk mengelakkan kesulitan atau pertindihan waktu dengan pelanggan lain," katanya yang sering membuat hiasan dekorasi khemah di sekitar Pantai Pohon Batu dan Pancur Hitam, Labuan.

Berkongsi lanjut tentang perniagaannya, dia bersyukur apabila menerima respons yang sangat menggalakkan daripada pelanggan yang menyifatkan dekorasinya unik dan menarik.

"Seluruh warga di pulau ini sentiasa menyokong saya dari awal hingga kini. *Insyallah* saya berhasrat untuk mengembangkan perniagaan ini ke seluruh Labuan demi memenuhi permintaan masyarakat setempat dan luar.

"Dalam masa yang sama, saya

merancang untuk membuka kelas dekorasi untuk membantu peniaga khususnya kaum wanita di Labuan untuk menceburi bidang ini yang semakin mendapat permintaan tinggi

"Pada masa akan datang juga, saya mahu meluaskan perkhidmatan ini dengan berkolaborasi bersama pihak hotel dan tidak hanya terhad di kawasan pantai sahaja," ujarnya perniagaan yang dijalankan memberi pulangan lumayan selama ini. **WK**



FAIZAH



DEKORASI berkonsepkan sambutan hari lahir antara hiasan yang sering mendapat permintaan.

Info


Picnic Deco Labuan

016-818 5647

Faizah Ibrahim



# PERCUMA UNTUK YANG BELIK HATI



DAPATKAN JUGA VERSI E-PAPER WILAYAHKU DI WWW.WILAYAHKU.COM.MY



## Dialog Bersama Usahawan Mikro 2023

**TikTok Shop platform bantu usahawan**

HAZIRAH HALIM

**S**ERAMAI 30 usahawan dalam kalangan peniaga mikro berpendapatan rendah (B40) terpilih untuk mendapat bimbingan dan perkongsian tentang pemerkasaan ekonomi jualan di platform *TikTok Shop* baru-baru ini.

Menerusi sesi Dialog Bersama Usahawan Mikro 2023 anjuran *TikTok Shop* Malaysia dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), peserta diberi taklimat dan teknik penggunaan platform tersebut bersama usahawan-usahawan tempatan yang berjaya.

Ketua Perhubungan Strategik *TikTok Shop* Malaysia, **Nur Aziz Abdul Aziz** berkata bengkel tersebut diadakan untuk memberi inspirasi, bimbingan dan motivasi kepada komuniti B40 dalam usaha mengembangkan pendapatan jualan khususnya menerusi aplikasi penstriman digital.

“Sejak mula beroperasi secara aktif di Malaysia pada April 2012, *TikTok Shop* berjaya membantu lebih satu juta usahawan dengan



**TS ZAHIR (tengah)** menerima tajaan sokongan kewangan daripada *TikTok Shop* Malaysia pada sesi Dialog Usahawan Mikro 2023 baru-baru ini.

peningkatan jualan tahunan sebanyak 187 peratus selain 98 peratus daripadanya adalah peniaga perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

“Perniagaan di *TikTok Shop* adalah berdasarkan apa yang

diminati oleh komuniti. Jadi, kita beri bantuan dan sokongan supaya lebih banyak insentif dapat disalurkan untuk usahawan.

“Penting untuk mereka tahu bagaimana hendak menggunakan teknologi sekali gus

memanfaatkannya selain impak berterusan dalam jangka masa panjang,” katanya ketika ditemui media di Kompleks Arena Sukan Kuala Lumpur baru-baru ini.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Wangsa Maju yang juga Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP, Ts Zahir Hassan telah merasmikan program ini dan melalui kerjasama dengan *TikTok Shop*, beliau berharap lebih ramai peniaga mikro B40 dari Wilayah Persekutuan dapat merasai manfaat daripada perkembangan pesat bidang e-dagang ini serta menjadikan literasi digital sebagai alat utama untuk meningkatkan taraf hidup dan pendapatan.

Sementara itu, salah seorang kreator *affiliate* yang terkenal dengan gelaran *@budokkelate1*, Faiq Izzan berkata platform *TikTok Shop* ini membolehkannya meraih jualan dan menjana pendapatan sebanyak RM400,000 hingga RM860,000 sebulan hasil konsistensi siaran langsung melebihi 12 dan 42 jam.

“Bagi anda yang ingin menceburi

bidang ini, saya memang menggalakkan kerana kerja ini tidak susah, tidak perlu duduk tengah panas, anda cuma perlu bercakap dan menjual barang.

“Saya memilih platform ini sebab ia mudah selain kaedah pembayarannya juga sistematik membuatkan pelanggan lebih yakin dan percaya untuk membeli,” katanya yang bermula sekitar Mei lalu.

Dalam perkembangan lain, YWP turut menerima sumbangan wakalah berjumlah RM76,250 daripada zakat perniagaan Volten International, bagi tujuan membantu asnaf yang kurang bernasib baik dan memerlukan bantuan.

Serahan wakalah tersebut disampaikan oleh Pengasas Volten International, Datuk Isamil Che Ani kepada Pengarah Eksekutif YWP, Abdul Rahman Siraj dengan disaksikan oleh wakil PPZ-MAIWP iaitu Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi), Mohammed Hassan di Wisma YWP baru-baru ini. **WK**

**Larangan kapal Israel berlabuh di Malaysia tindakan wajar**

**KEPUTUSAN** Kerajaan Malaysia melarang kapal perdagangan Israel berlabuh ke perairan negara adalah satu tindakan keras yang berani dalam usaha memberi tekanan kepada rejim itu menghentikan jenayah kemanusiaan terhadap Palestin.

Langkah yang dibuat itu juga memberi isyarat jelas bahawa kerajaan terus memperjuangkan hak asasi kemanusiaan yang sudah tercalar di bumi Palestin.

Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Perang Saraf Media dan Informasi, Universiti Teknologi Mara (UiTM), **Dr Noor Nirwandy Mat Noordin** berkata jelas ternyata negara kita tidak memberi kompromi dalam isu penindasan serta kezaliman yang berlaku terhadap Gaza.

“Larangan tersebut adalah dilihat bagi memberitahu Kerajaan Malaysia menentang sekeras-kerasnya kekejaman Israel.

“Malah negara kita memperjuangkan bagi rakyat Gaza mengesepi keamanan serta hak kemanusiaan yang dilihat ditindas dengan angka pengorbanan yang meningkat,” katanya.

Tambah Noor Nirwandy, larangan yang dilakukan kerajaan sepatutnya dihormati oleh negara-negara lain berikutan ia merupakan dasar polisi sesebuah negara berdaulat.



NIRWANDY



**SYARIKAT perkapalan yang berpangkalan di Israel, ZIM.**

“Langkah tersebut juga dilihat penting bagi mendokong pendirian negara kita dalam usaha menyokong kedaulatan negara Palestin. Pada masa sama, menunjukkan bahawa Israel juga tidak kebal daripada melakukan sesuatu perkara mengikut kehendak mereka,” ujarnya.

Selain itu, jelas Noor Nirwandy, langkah tersebut tidak akan menjejaskan hubungan perdagangan negara.

“Ia mungkin ada risiko-risiko tersendiri namun, pada masa sama, ia tidak memberi kesan yang mendalam terhadap hubungan perdagangan dengan negara-negara lain,” katanya.

Baru-baru ini media melaporkan, kerajaan memutuskan untuk

menyekat dan tidak membenarkan syarikat perkapalan yang berpangkalan di Israel, ZIM daripada berlabuh di mana-mana pelabuhan Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Kementerian Pengangkutan akan mengambil tindakan segera dengan mengenakan larangan kekal terhadap syarikat tersebut berkuat kuasa serta-merta.

Tambah beliau, sekatan ini adalah tindak balas terhadap tindakan Israel yang mengetepikan prinsip asas kemanusiaan dan melanggar undang-undang antarabangsa menerusi pembantaian dan kekejaman berterusan terhadap warga Palestin. **WK**

**Kediaman lebih 20 tahun berwajah baharu**

“**SYUKUR** *alhamdulillah*, rasa macam mimpi. Rumah yang dahulunya gelap kini sudah berwajah baharu dan ceria,” luah peserta Program Rumah Kasih Harapan Kak Wan Siri ketiga, Rosli Hamidon, 67, yang ditemui ketika sesi penyerahan kunci di Perumahan Awam Sri Johor, baru-baru ini.

Bapa tunggal kepada enam orang anak ini bersyukur apabila terpilih dalam program berkenaan dan menyifatkannya sebagai satu anugerah berharga kepada keluarganya yang telah mendiami rumah berkenaan lebih 20 tahun.

“Syukur kepada Allah SWT, saya hargai malah sangat gembira dengan keadaan rumah yang sudah berubah jauh lebih baik daripada sebelum ini. Anak-anak saya pun suka,” ujarnya.

Menerusi program itu, kediamannya telah dibaik pulih, dicat baharu, penyelenggaraan sistem pendawaian elektrik selain mereka turut diberi sebuah televisyen.

“Saya juga ingin ucapkan terima kasih kerana sudi memberikan kerusi roda moden kepada anak saya yang kini sedang terlantar sakit akibat kecederaan saraf tunjang sehingga lumpuh separuh badan akibat kemalangan jalan raya pada tahun 2012,” katanya yang tidak bekerja dan menerima bantuan bulanan daripada Baitulmal sebanyak RM500 sebulan.

Terdahulu, Majlis Penyerahan Kunci Rumah kepada Rosli disempurnakan oleh Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan turut dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa dan Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin.

Untuk rekod, Rosli Hamidon merupakan peserta ketiga yang terpilih untuk memiliki pengubahsuaian rumah menerusi program berkenaan selepas kejayaan siri pertama yang dilaksanakan di sebuah kediaman di Apartmen Seri Penara, Bandar Sri Permaisuri pada Mei lepas dan siri kedua di Lorong Mewah 7, Bandar Tun Razak pada Oktober lepas.

Inisiatif Program Rumah Kasih Harapan Kak Wan diperkenalkan sejak Mac 2023 di bawah Pejabat Parlimen Bandar Tun Razak dengan kerjasama Yayasan Gerbang Bandar Tun Razak melibatkan kos sebanyak RM30,000. **WK**





PARA pelajar didedahkan dengan teknik belajar dan kaedah menjawab soalan dalam bengkel tersebut.

Calon SPM sertai Bengkel SPM Matematik Dan Sejarah 2023

# PPj beri peluang pelajar kuasai subjek teras

SABRINA SABRE

**S**ERAMAI 42 orang pelajar tingkatan lima menyertai Bengkel SPM Matematik Dan Sejarah 2023 di Auditorium 1, Kompleks Kejurangan Presint 16, Putrajaya baru-baru ini.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, program yang diadakan pada 23 dan 24 Disember 2023 itu adalah bagi meningkatkan kualiti pendidikan warga sekolah di sekitar Lembah Klang termasuk Wilayah Persekutuan Putrajaya

selain membentuk jati diri sebagai persiapan ke arah melahirkan modal insan yang berkualiti.

"Program tahunan anjuran Pusat Pembelajaran Kejurangan (PPK) ini diadakan bertujuan untuk membantu calon-calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memperoleh tips, kaedah menjawab dan membincangkan soalan-soalan ramalan bersama tenaga pengajar yang berpengalaman.

"Dalam masa sama, program ini dilihat mampu melahirkan pelajar yang mempunyai keyakinan diri dan bersedia dalam menghadapi

peperiksaan SPM sekali gus boleh melahirkan lebih ramai pelajar cemerlang.

"Selain itu, bengkel ini diharap dapat membantu para pelajar di tingkatan lima untuk membuat persiapan intensif bagi menduduki SPM bermula 30 Januari ini," ujarnya.

Fadlun berkata para pelajar turut didedahkan dengan teknik belajar dan kaedah menjawab soalan di bawah bimbingan guru-guru yang mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam mata pelajaran Matematik dan Sejarah.

"Pihak PPK juga telah melantik

empat orang tenaga pengajar daripada Mathpower Sdn Bhd untuk mengendalikan bengkel selama dua hari itu," ujarnya berharap dengan penganjuran program itu dapat membantu peserta mendapat keputusan SPM yang cemerlang.

Di samping itu, Fadlun berkata respons yang diterima daripada pelajar amat memberangsangkan di mana pelajar dilihat mudah memahami kaedah yang diberikan selain mempunyai ruang untuk bertanyakan soalan jika maklumat tersebut kurang jelas.

Dalam pada itu, beliau berkata

pelaksanaan bengkel tersebut juga selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) iaitu *SDGs 4: Quality Education, SDGs 11: Sustainable Cities and Communities dan SDGs 17: Partnership For The Goals*.

Tambahnya, bengkel yang bermula pukul 10.30 pagi hingga 4.30 petang itu dianjurkan PPj dengan kerjasama PPK.

Untuk makluman mengenai aktiviti anjuran PPK 2024, boleh layari laman sesawang PPK atau hubungi talian **03-8887 7667 / 7670 / 7671 / 7681**. WK

## Jom serbu Putrajaya sempena cuti sekolah ini!

**MUSIM** cuti sekolah kini kembali dan pastinya ibu bapa sibuk merancang percutian menarik buat anak-anak sempena cuti yang masih lagi berbaki beberapa hari ini.

Mungkin masih ramai yang tidak pernah berkunjung ke Putrajaya, selain untuk urusan rasmi, kota yang sinonim dengan pusat pentadbiran kerajaan ini menawarkan landskap serta seni bina yang menarik untuk kunjungan pelancong luar mahupun warga tempatan.

Dalam masa sama, ia juga merupakan lokasi yang sesuai untuk bersantai bersama keluarga pada cuti hujung minggu dan cuti sekolah. Terdapat pelbagai aktiviti yang boleh dilakukan di sini meliputi semua peringkat umur. Mari kita lihat apa yang menarik di

sekitar Putrajaya.

Salah satu aktiviti paling menarik untuk menikmati keindahan pemandangan dan keunikan mercu tanda di Putrajaya adalah dengan menaiki bot di Tasik Putrajaya. Terdapat dua jenis bot yang boleh dipilih iaitu Belimbing Cruise selama 45 minit dan Perahu Dondang Sayang (25 minit).

Bagi anda yang ingin mencari kelainan pula, terdapat pakej santapan istimewa yang boleh ditempah dalam *Dining Cruise Boat* yang berhawa dingin atau *Love Boat* ala gondola, tentu memberi pengalaman yang lain daripada lain. Maklumat lanjut boleh layari di *Facebook @Cruise Tasik Putrajaya* atau hubungi talian **03-8888 5539**.

Seterusnya, di Taman Ekuestrian

Putrajaya (TEP) pula, anak-anak pasti teruja untuk melihat kuda secara dekat dan cuba menunggangnya. Buat mereka yang ingin belajar menunggang kuda, anda boleh mendaftar kelas-kelas yang diajar oleh tenaga pengajar profesional.

Pada hari-hari tertentu, pengunjung juga boleh menonton perlawanan polo berkuda antara kelab terkemuka dalam dan luar negara secara langsung.

Apabila sudah penat berkuda, singgahlah ke Hayat Polo Cafe & Bistro yang terdapat di dalam Taman Ekuestrian ini. Pelbagai menu istimewa dihidangkan setiap hari. Untuk maklumat lanjut, anda boleh layari *Facebook Taman Ekuestrian Putrajaya* atau hubungi talian **03-8888 6080**. WK



PENGUNJUNG TEP juga berpeluang melihat kuda dengan lebih dekat.



Kerajaan fokus rancak ekonomi

# Pulau bebas cukai bakal bandar pintar



**KHAIRUL IDIN**

**P**ERANCANGAN menjadikan Labuan sebagai Bandar Pintar merupakan teras utama kerajaan untuk memajukan semula pembangunan pulau itu.

Menurut Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan, **Simsudin Sidek** dengan pencapaian matlamat itu mampu merancakkan semula ekonomi Labuan khususnya dalam sektor pelancongan dan ekonomi.

Katanya, baru-baru ini pihaknya telah menerima kunjungan lima pelabur dari dalam dan luar negara yang menunjukkan minat bagi membuat beberapa pelaburan besar di Labuan.

“Antara perkara yang dibincangkan adalah mengenai pelaburan pembinaan jambatan yang menghubungkan Labuan dengan Tanah Besar Sabah dan ia



**SIMSUDIN**



**PELABUR** dari luar menunjukkan minat membuat pelaburan di Labuan. - Gambar hiasan

dalam fasa kajian teknikal dan termasuk juga pelaburan untuk menjadikan pulau ini sebagai bandar pintar.

“Kita sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) menyambut baik para pelabur yang berminat untuk membuat pelaburan di pulau ini dan kesemua cadangan yang

dikemukakan itu telah mendapat pertimbangan daripada pihak kerajaan,” katanya semasa ditemui pemberita, baru-baru ini.

Mengulas lanjut mengenai cadangan pembinaan Jambatan Labuan – Menumbok, Simsudin menjelaskan bahawa kerajaan bukan berhasrat untuk membatalkan

membina jambatan tersebut namun cadangan itu belum mempunyai keperluan mendesak untuk dilaksanakan berdasarkan keadaan ekonomi negara ketika ini.

“Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bukannya menolak terus cadangan projek jambatan itu tetapi kerajaan perlu mencari

pendekatan terbaik dan mencari pelabur yang sesuai tanpa melibatkan kewangan negara agar projek itu boleh diteruskan.

“Kami juga terus mencari pelabur yang sesuai dengan kehendak kerajaan dan sudah mengenal pasti beberapa tetapi masih memerlukan perbincangan yang mendalam,” jelas beliau. **WK**

## Info ADUAN

**DBKL**  
Tel : 03-2617 9000



**Perbadanan Putrajaya**  
Tel : 03-8887 7000  
Aduan : 03-8887 3000



**Perbadanan Labuan**  
Tel : 087-408600  
Aduan : 087-408852



**Jabatan Agama Islam KL**  
03-2274 9333

**Jabatan Agama Islam Putrajaya**  
03-8884 2600

**Jabatan Agama Islam Labuan**  
087-415 311

**Wilayahku**  
WhatsApp  
: 011-5958 7489

## Sabah catat peningkatan pelancong Korea Selatan

**NEGERI** Sabah terus menjadi destinasi pelancongan pilihan khususnya pelancong dari negara Korea Selatan dengan mencatatkan peningkatan sebanyak 451.4 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Menurut Timbalan Pengarah Tourism Malaysia Sabah, **Treacey J Tojuka**, pihaknya sentiasa bekerjasama dengan Pejabat Tourism Malaysia Seoul, Korea untuk menarik lebih ramai lagi pelancong dari negara itu ke Sabah.

Katanya, menerusi rekod dari Januari sehingga September lalu, Sabah telah menerima hampir seramai 152,000 pelancong Korea Selatan.

“Usaha itu turut dibantu dengan adanya penerbangan terus dari Korea Selatan ke Sabah. Sabah mempunyai 23 penerbangan terus setiap minggu dari Incheon dan Busan ke Kota Kinabalu

yang dioperasikan Jin Air, JejuAir, T'way Air dan Air Busan,” katanya.

Treacey berkata pihaknya sentiasa berusaha secara berterusan untuk mempromosikan destinasi dan produk pelancongan baharu Malaysia kepada pelancong-pelancong dari Korea.

“Pihak kami juga aktif membantu pemain industri pelancongan dengan menjemput agensi pelancongan atau hotel Malaysia ke beberapa pameran yang diadakan dalam dan luar negara,” katanya.

Terdahulu, baru-baru ini, Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Datuk Christina Liew memaklumkan Syarikat Penerbangan Asiana Korea Selatan merancang untuk meningkatkan penerbangan terus pada akhir tahun ke Sabah dan bakal melonjakkan ketibaan pelancong. **WK**



**SABAH** menerima hampir 152,000 pelancong Korea Selatan bermula Januari sehingga September 2023. - Gambar hiasan



## 9,000 rakyat Labuan hidap penyakit Vertigo

**SEBANYAK** sembilan peratus bersamaan 9,000 rakyat di Labuan dikesan menghadapi penyakit Vertigo yang menyebabkan ilusi palsu diri sendiri, persekitaran atau kedua-duanya bergerak atau berpusing yang disertai loya dan hilang keseimbangan badan.

Menurut Pegawai Perubatan Pakar Hidung, Telinga dan Tekak (ENT), Hospital Labuan, **Dr Arthur Wong**, penyakit Vertigo terjadi disebabkan keadaan yang menjejaskan bahagian dalam telinga atau sebahagian daripada otak manusia yang melibatkan keseimbangan badan.

“Ia dikenali sebagai *Benign Paroxysmal Positional Vertigo* (BPPVM) yang biasa dihadapi dua kali ganda oleh golongan wanita berbanding lelaki. Bagaimanapun masalah Vertigo tidak mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan seperti

penyakit kanser.

“Namun ia memerlukan rawatan terutamanya kepada mereka yang berusia 50 tahun ke atas kerana ia boleh menyebabkan 10 kali ganda kemungkinan untuk mudah jatuh,” katanya pada sesi temu bual Program Bicara Eksklusif di LabuanFM.

Mengulas lanjut, beliau memaklumkan masalah itu boleh menyebabkan kehidupan normal seseorang bertukar menjadi beban dan mengganggu aktiviti harian seperti sukar untuk berdiri atau berjalan.

“Pesakit atau mereka yang berisiko perlu mengamalkan gaya hidup sihat bagi mengelak daripada serangan Vertigo. Mereka yang mempunyai tanda-tanda perlu segera berjumpa doktor bagi mengelakkan penyakit tersebut menjadi lebih serius,” katanya. **WK**



**DR ARTHUR**



# Pentingnya pengurusan teknostres

**K**EMAJUAN teknologi telah mengubah sistem pendidikan yang menawarkan spektrum baharu khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, dengan integrasi teknologi dalam pendidikan, muncul fenomena teknostres yang merupakan satu istilah yang merangkumi tekanan dan kebimbangan akibat penggunaan teknologi digital.

Dalam konteks pendidikan, teknostres menjelma apabila pelajar bergelut dengan tuntutan dan cabaran yang ditimbulkan oleh pengintergrasian teknologi baharu dalam dunia akademik.

Memahami dan menangani tekanan teknologi adalah penting untuk memastikan manfaat teknologi dalam pendidikan dimaksimumkan sebaik mungkin sambil meminimumkan kesan negatif terhadap kesejahteraan pelajar.

Mengintegrasikan pengurusan teknostres dalam amalan pendidikan adalah penting dalam era digital. Ini adalah kerana apabila teknologi menjadi semakin meluas dalam tetapan pendidikan, pelajar sering bergelut dengan tekanan yang berkaitan dengan prosedur dan amalan terbaik dalam penggunaannya. Bebanan maklumat yang berlebihan akan menyebabkan tekanan untuk menyesuaikan diri dengan ledakan maklumat dan alatan teknologi baharu.

Cabaran ini boleh menghalang keberkesanan dalam aspek pembelajaran dan memberi kesan negatif kepada kesejahteraan pelajar. Oleh itu, adalah penting untuk mengetahui kepentingan strategi pengurusan teknostres dalam amalan pendidikan untuk keberkesanan dalam persekitaran pembelajaran secara keseluruhan.

Teknostres dalam pendidikan boleh berpunca daripada pelbagai sumber. Tekanan untuk menyesuaikan diri dengan teknologi yang berkembang pesat, menavigasi antara muka digital yang kompleks dan menguruskan beban maklumat adalah suatu tekanan luar biasa.



**GAGAL menyesuaikan diri dengan teknologi yang berkembang pesat adalah suatu tekanan luar biasa.** - Gambar hiasan

Pelajar sering menghadapi kesukaran untuk mengikuti rentak perubahan teknologi yang membawa kepada kurang kemahiran dalam penggunaan teknologi dan takut berasa ketinggalan daripada perkembangan pesat teknologi baharu.

Misalnya, pembelajaran dalam talian yang menyebabkan pembelajaran pendidikan tanpa sempadan boleh menyumbang kepada keletihan dalam kalangan pelajar. Selain itu, ketakutan terhadap kerosakan teknikal atau gangguan semasa aktiviti pembelajaran dalam talian boleh memburukkan lagi tahap tekanan kepada mereka.

Akibat daripada tekanan teknologi ini, ia boleh memberi kesan negatif terhadap prestasi akademik pelajar dan kesejahteraan kehidupan mereka secara keseluruhan. Kebimbangan yang berkaitan dengan teknologi boleh menghalang tumpuan, menghalang fokus terhadap pengekalan maklumat dan membawa kepada penurunan tahap motivasi mereka untuk belajar.

Malah, tekanan teknologi yang berterusan boleh menyumbang kepada isu kesihatan mental seperti

kebimbangan dan kemurungan, seterusnya menjejaskan keupayaan pelajar untuk melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti kehidupan seharian.

Oleh itu, adalah penting untuk memahami kesan-kesan yang berpotensi menangani tekanan teknologi untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan sihat. Institusi pendidikan boleh menyediakan sumber dan latihan untuk meningkatkan literasi digital, memperkasakan pelajar untuk menggunakan teknologi dengan lebih berkeyakinan.

Kemahiran pengurusan masa, termasuk menetapkan sempadan untuk penggunaan teknologi boleh membantu mengurangkan tekanan menggunakan teknologi.

Menggalakkan amalan kesedaran kesihatan seperti rehat yang secukupnya akan dapat memupuk kesejahteraan diri dengan lebih sihat dengan penggunaan teknologi. Mewujudkan persekitaran yang menyokong pelajar berasa selesa untuk mendapatkan bantuan dengan cabaran teknologi boleh mengurangkan ketakutan untuk ketinggalan dengan kepesatan perubahan teknologi baharu.

Selain itu, pendidik memainkan peranan penting dalam mengurangkan tekanan teknologi dalam kalangan pelajar dengan menyepadukan amalan pengurusan tekanan penggunaan teknologi. Ini melibatkan penggabungan latihan kesedaran, mempromosikan kesejahteraan digital dan menekankan kepentingan pendekatan yang seimbang terhadap penggunaan teknologi. Kaedah penilaian tradisional boleh menyumbang kepada tekanan teknologi, terutamanya apabila sangat bergantung sepenuhnya pada platform digital.

## BUDAYA CELIK DIGITAL

**MEMPERKENALKAN** kaedah penilaian fleksibel yang menampung gaya pembelajaran yang pelbagai dan akses teknologi boleh mengurangkan tekanan ini. Dengan mempelbagaikan format penilaian, pendidik bukan sahaja mengurangkan tekanan teknologi tetapi juga mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih inklusif yang mengiktiraf pelbagai kekuatan pelajar.

Dengan memupuk budaya yang menghargai kesejahteraan bersama pencapaian akademik, institusi pendidikan boleh mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih mampan dan efektif. Ini adalah kerana institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam memupuk budaya kesejahteraan digital dengan menggalakkan tabiat penggunaan teknologi yang sihat, termasuk menetapkan sempadan untuk masa skrin, menggalakkan rehat dan menekankan kepentingan mengekalkan keseimbangan antara aktiviti dalam talian dan luar talian.

Menyatupadukan amalan kesihatan digital, pendidik menyumbang kepada persekitaran yang menghargai kesejahteraan holistik pelajar. Penggunaan teknologi itu sendiri boleh dimanfaatkan sebagai alat untuk mengurangkan teknostres.

Penggunaan platform pendidikan

yang menggalakkan kesihatan mental dan kesejahteraan boleh disepadukan ke dalam pengalaman akademik. Kumpulan sokongan maya atau perkhidmatan kaunseling dalam talian boleh menyediakan pelajar dengan sumber untuk menangani cabaran berkaitan teknostres.

Penyepaduan pengurusan teknostres dalam amalan pendidikan adalah mengenai mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyokong amalan pendidikan yang berkesan dengan menyediakan sumber dan alat untuk mengurangkan tekanan serta memupuk komunikasi secara lebih terbuka. Memperkasakan pelajar dengan kemahiran untuk menavigasi alatan dan platform digital bukan sahaja meningkatkan prestasi akademik mereka tetapi juga membina keyakinan dan mengurangkan kebimbangan yang berkaitan dengan penggunaan teknologi.

Mengintegrasikan literasi digital ke dalam kurikulum perlu memastikan pelajar mempunyai kemahiran penting yang diperlukan untuk berjaya dalam dunia yang semakin dipacu dengan penggunaan teknologi.

Mewujudkan saluran dalam talian bagi pelajar meluahkan kebimbangan mereka tentang teknostres dan mendapatkan bantuan apabila diperlukan menyumbang kepada budaya sokongan dan persefahaman antara pendidik dan pelajar.

Dalam persekitaran ini, pelajar lebih berkemungkinan untuk berkembang maju dalam pencapaian akademik dan membangunkan kemahiran digital yang diperlukan. Pendidik boleh menyesuaikan intervensi yang dapat memperkasakan pelajar agar celik digital.

**PENULIS** Profesor Madya Ts Dr Siti Hajar Halili merupakan Ketua Jabatan Kurikulum dan Teknologi Pengajaran, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

**DAPATKAN AKHBAR WILAYAHKU SECARA PERCUMA  
DI LEBIH 500 LOKASI TERPILIH  
DI KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA DAN LABUAN**



### BERIKUT ANTARA LOKASI EDARAN AKHBAR WILAYAHKU:

**KUALA LUMPUR** - JALAN MAHARAJALELA / KL SENTRAL: DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA ■ IBU PEJABAT BOMBA WILAYAH ■ SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BERHAD ■ KL SENTRAL ■ MIDA ■ JALAN CENDERASARI: KLINIK KESIHATAN TANGLIN ■ JABATAN KESIHATAN WILAYAH ■ JALAN RAJA LAUT: PEJABAT TANAH DAN GALIAN ■ KWSP JALAN RAJA LAUT ■ JALAN PAHANG: RUMAH PRIHATIN @ GRANDSEASONS ■ JALAN MASJID INDIA: PT10BUSINESSCENTRE ■ KAMPUNGBARU: YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN ■ KAMPUNGBARU ■ PASARAYAANGKASA ■ KEDAIRUNCITMSTOREONE ■ KEDAI RUNCIT HAIRUL ZNZ ■ SABASUN HYPERUNCIT ■ PASAR MINI MEULUR SEJAHTERA ENTERPRISE ■ RESTORAN NASI LEMAK ANTARABANGSA ■ MINI CAFÉ URS ONE ENTERPRISE ■ WARUNG ISTANA MAJU ■ KEDAI RUNCIT STABLE KIOSK ■ WARUNG 19 ■ WARUNG NASI LEMAK WANJO ■ 7ELEVEN JALAN RAJA ALANG ■ KEDAI RUNCIT HARAPAN ABAH ENTERPRISE ■ KEDAI RUNCIT SINAR MAJU ■ 7ELEVEN STESEN LRT ■ JALAN TUN RAZAK: INSTITUT JANTUNG NEGARA ■ HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR ■ KLINIK KESIHATAN KUALA LUMPUR ■ PUSAT DARAH NEGARA ■ BERNAMA ■  
**PUTRAJAYA** - PRESINT 1: MASJID PUTRAJAYA ■ PEJABAT PERDANA MENTERI ■ JABATAN AUDIT NEGARA ■ KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA ■ KEMENTERIAN ALAM SEKITAR & AIR ■ BIRO BANTUAN GUAMAN ■ SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM ■ KEM PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI ■ JPM - PENGURUSAN HARTANAH ■ JABATAN KERJAJAYA WILAYAH PERSEKUTUAN ■ PLAN MALAYSIA ■ JABATAN PERANGKAIN MALAYSIA ■ KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA ■ KKM - PENGURUSAN PERUBATAN & PENYAKIT BERJANGKIT ■ KKM - KEJURUTERAAN ■ KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ■ BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN ■ BAHAGIAN TEKNIKAL & VOKASIONAL ■ LEMBAGA PERPERIKSAAN MALAYSIA ■ IKATAN RELAWAN RAKYAT ■ KEMENTERIAN DALAM NEGERI ■ KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA ■ JABATAN PERKHIDMATAN AWAM ■ KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI & INOVASI ■ SURUHANJAYA PEKHIDMATAN PERGURUAN ■ JABATAN DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA ■ JABATAN WAKAF, ZAKAT & HAJI ■ JABATAN KERJAJAYA - URUSAN BANGUNAN ■ PRESINT 2: KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN ■ JABATAN AKAUNTAN NEGARA ■  
**LABUAN** - PINTU KELUAR AIRPORT ■ SAVEMORE SUPERMARKET ■ BATARAS HYPERMARKET ■ LABUAN GOLF INTERNATIONAL CLUB ■ SUPERMARKET LAYANGAN ■ FAMILY MARKET ■ MUZIUM CHIMNEY ■ PALM BEACH RESORT ■ MASJID AN NUR LAYANGAN ■ AIFA HOTEL ■ HOTEL PULAU LABUAN ■ TIARA HOTEL ■ HOTEL LABUAN POINT ■ LAZENDA HOTEL ■ MOTAC (SEASPORT KOMPLEKS) ■ KOMPLEKS KOMUNIKASI MULTIMEDIA MALAYSIA ■ HOSPITAL LAMA ■ BETA APARTMENT ■ LOBBY LFSA ■ LOBBY BLOK KERAJAAN ■ DORSETT HOTEL ■ IBU PEJABAT POLIS LABUAN ■ MASJID NURUL IMAN ■ PASAR SENTRAL (UTC) ■ MENARA PL ■ MASJID NUR IMAN ■ WISMA PL BLOK A ■ WISMA PL BLOK B ■ PEJABAT KPE ■ TERMINAL LDA ■ KASTAM ■ JPJ ■ JABATAN AIR ■ SESB ■ IBU PEJABAT BOMBA RANCHA-RANCHA ■ MUZIUM BANDAR ■ MASJID SULTAN MUHAMMAD V ■ BALAI BOMBA KAMPUNG JAWA ■ MASJID AN NUR (BANDAR) ■ MASJID AL FALAH ■ HOSPITAL MEMBEDAI ■ 218JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT ■

Maklumat lanjut sila dapatkan di [www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)





Kerja keras tingkat stamina

# Nabil Haikal persiap diri, giat jalani latihan

SABRINA SABRE

**A**TLET Wilayah Persekutuan, **Muhammad Nabil Haikal Abdul Majid** semakin menyerlah dalam arena sukan silat sama seperti abangnya, Muhammad Nazirul Hadi Abdul Majid.

Memasang impian untuk beraksi di pentas Olimpik suatu hari nanti, atlet berusia 17 tahun itu menjadikan abangnya sebagai idola.

Katanya, untuk sampai ke tahap itu, dia perlu bekerja keras selain memberi komitmen yang sangat tinggi sama seperti dilakukan idolanya itu.

“Mungkin ia akan mengambil masa bertahun-tahun berusaha untuk melayakkan diri ke Olimpik namun amat berbaloi memandangkan ia adalah jalan yang saya pilih dan banggakan,” ujarnya.

Ditanya tentang penglibatannya dalam sukan ini, menurut pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Titiwangsa itu, sering kali melihat abangnya berlatih menimbulkan minatnya untuk bergiat aktif.

“Abang banyak memberi tunjuk ajar kepada saya tentang teknik silat. Saya juga sering mengikutinya menyertai kejohanan dan melalui itu juga saya mula mengetahui serba sedikit selok-belok sukan,” ujarnya seni silat memainkan peranan yang besar dalam



**AKSI Nabil (kiri) ketika perlawanan persahabatan menentang Terengganu yang diadakan di SMK Seri Titiwangsa.**

memastikan budaya Melayu ini terkenal dan diwarisi masyarakat. Beralih kepada perkembangan

terbaharunya, anak ketiga daripada lima orang adik-beradik ini gigih menjalani latihan bagi persediaan

untuk berentap dalam Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) yang bakal berlangsung di Sarawak pada

## Pencapaian Nabil Haikal

**2023 – Kejohanan Silat Terbuka Pendekar Seabad – Emas**

**2023 – Kejohanan Silat Terbuka Piala Lagenda Jebat – Tempat kedua**

**2023 – Sukma Wilayah – Emas**

Ogos tahun hadapan.

“Sejujurnya daripada dahulu saya berusaha sedaya upaya untuk menghadiahkan emas buat negara. Biarpun masih lambat lagi kejohanan tersebut namun itu bukan alasan untuk berlelah,” ujarnya yang turut menjalani latihan di gimnasium bagi menguatkan stamina.

Katanya lagi, selain daripada latihan, dia juga sentiasa mempersiapkan diri dari segi mental agar tidak berasa gentar ketika berada di gelanggang semasa hari perlawanan.

“Saya tidak hanya mengharapkan latihan daripada jurulatih semata-mata. Sebagai atlet, kita perlu ada inisiatif sendiri untuk berjaya,” ujar atlet kelahiran Kuala Lumpur ini. **WK**

## Wilayah Persekutuan hantar atlet berpotensi sumbang pingat SUKMA 21

AZLAN ZAMBRY

**KONTINJEN** Wilayah Persekutuan (WiPers) menasaskan untuk menghantar atlet yang berpotensi menyumbang pingat dalam Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) ke-21 di Sarawak yang dijadual berlangsung pada 17 hingga 24 Ogos 2024.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata langkah tersebut diambil memandangkan kontinjen menghadapi cabaran dari sudut logistik berikutan faktor jarak *venue* sukan yang dianjurkan.

“Kontinjen menghadapi cabaran dari aspek logistik, kewangan dan pengurusan berikutan penganjuran acara sukan ini melibatkan sembilan bahagian di Sarawak.

“WiPers akan memberi keutamaan dengan menyenaraikan hanya atlet yang berpotensi akan dibawa ke sana berbanding penyertaan temasya pada tahun 2022 yang lalu kita telah menghantar 593 atlet dengan 105 jurulatih yang telah menyertai kesemua 31 jenis sukan serta dua sukan demonstrasi iaitu silambam dan kabadi,” katanya sambil menambah seramai 500 atlet dalam persiapan menghadapi

SUKMA.

Beliau berkata demikian selepas Lawatan ke Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) di Putrajaya baru-baru ini.

Hadir sama Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan & Pembangunan) Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Ramlee Yatim dan Pengerusi MSWP, Datuk Mohd Nasir Ali.

Menurut Zaliha pihak MSWP menjangkakan tidak akan menghantar atlet untuk kesemua 37 jenis sukan yang dipertandingkan dalam temasya itu nanti dan mengharapkan pemilihan atlet akan mengambil kira aspek kualiti berbanding kuantiti.

“*Insyallah* setakat ini saya memberi harapan kepada MSWP melalui pengerusi baharu dan saya harap kita dapat melihat satu pembaharuan dari sudut pencapaian dan selaku menteri saya akan memberikan sokongan sepenuhnya,” kata beliau.

Zaliha berkata kemudahan gimnasium yang disediakan untuk keperluan latihan atlet MSWP baik dan berteknologi sekali gus dapat membantu dari sudut perkembangan atlet.

“Cumanya mungkin kita berdepan dengan kekangan



**ZALIHA (tengah) ketika sesi lawatan ke gimnasium MSWP di Putrajaya baru-baru ini.**

antaranya atlet kita tidak diletakkan satu tempat kerana ada yang tinggal dan menetap di Selangor. Jadi masalah logistik itu akan memberi kesan namun saya yakin kita akan merancang dengan lebih baik.

“Kekangan yang saya nampak

lagi adalah kita perlu melibatkan Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur dan Labuan, ini ada sedikit menyumbang kepada kekangan kewangan. Justeru saya yakin dengan peneraju baharu, beliau akan berusaha untuk menambah baik perkara

yang boleh dilaksanakan untuk kemajuan atlet dan sukan di Wilayah Persekutuan,” katanya.

Terdahulu, Zaliha mendengar taklimat mengenai perkembangan MSWP yang disampaikan Pengarahnya, Nik Ahmad Zahiruddin Nik Salleh. **WK**



## Sambung belajar dan bisnes

DARI MUKA 24

**BUKAN** sahaja cantik namun pelakon ini juga seorang yang berpelajaran tinggi. Antara hasratnya tahun ini, mahu menyambung pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana di Universiti Teknologi MARA UiTM.

Pemegang Diploma Seni Teater dan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa UiTM Shah Alam ini berkata sudah lama cita-citanya itu tertangguh kerana kekangan masa.

"Impian saya, yang pertama saya nak sambung belajar. *Insyallah* saya akan tengok bidang apa yang sesuai. Kalau bidang seni pun, banyak cabang. Dah sampai masanya nanti saya beritahu.


"Selain daripada itu, saya juga tekad untuk memperbaiki kelemahan yang ada dalam kerjaya lakonan. Kalau boleh tak naklah berada di takuk lama. Saya nak terus belajar dan belajar.

"Kiranya tahun 2024 saya nak memperbaiki kelemahan atau kekurangan yang ada. Ini penting untuk terus kekal relevan dalam industri," ujarnya selain minat berlakon dari kecil niat utamanya menjadi pelakon bagi membantu menyara keluarganya.

Tambahnya, dia juga lebih selektif memilih watak kerana ia berkait rapat dengan kepuasannya sebagai seorang pelakon yang sudah berpengalaman lebih 10 tahun dalam industri.

"Pemilihan watak juga penting. Ia sebenarnya menggambarkan di tahap mana nak letak diri kita. Dulu saya ambil semua karakter, orang cakap nak timba pengalaman masa mula-mula masuk industri. *Alhamdulillah* sekarang peminat dah tahu kemampuan," jelasnya yang mahu terus memperkukuh bisnes produknya, Hernation.

WK



# "Untuk apa kejar sesuatu yang belum pasti?" - Meerqeen

**P**ELAKON popular Meerqeen tidak menafikan cinta itu penting sebagai manusia biasa. Namun, perancangan kerjaya adalah lebih utama baginya buat masa ini.

Meerqeen atau nama sebenarnya

Muhammad Shameer Shauqeen Shaiful Izam, 22, mengaku dalam situasi sekarang kerjaya menjadi keutamaannya.

Baginya tahun baharu 2024 adalah waktu untuk dirinya

terus mengejar impian tanpa menoleh ke belakang lagi. "Setiap insan



dikurniakan Allah perasaan untuk mencintai dan ingin dicintai. Itu lumrah dan mengapa perlu kita menafikan perasaan indah itu? Cuma dalam hidup ini kita perlu tetapkan prioriti dan apa sasaran yang ingin dicapai pada usia tertentu.

"Cinta tidak salah tetapi kita perlu bijak mengawal emosi supaya tidak terlalu hanyut dengan perasaan hingga lupa apa matlamat dalam hidup. Ramai yang leka dengan cinta sehingga impian yang sepatutnya dicapai tergendai.

"Apa-apa pun ia terpulanglah kepada individu masing-masing. Setiap orang ada impian dan haluan hidup yang berbeza," katanya.

Pelakon drama bersiri *Melur Untuk Firdaus* ini berkata dia mempunyai visi yang perlu dicapai dan cinta bukan menjadi keutamaan kerana dia perlu memberi tumpuan kepada kejayaannya dalam bidang seni.

"Banyak lagi perkara yang belum saya capai, jadi sudah tentu saya letakkan kerjaya pada kedudukan pertama. Bagi saya, cinta tidak perlu dipaksa dan dicari, ia akan datang sendiri

apabila tiba masanya nanti.

"Untuk apa mengejar sesuatu yang belum kita pasti? Nanti kita kecewa sendiri. Rezeki, jodoh, ajal dan maut telah tertulis. Saya hanya jalani hidup ini dengan memberikan yang terbaik. Dalam pada itu, saya terima dan yakin dengan apa saja ketentuan yang tertulis untuk. Hidup ini penuh dengan misteri dan sebagai hambanya, saya sentiasa percaya Allah lebih tahu apa yang terbaik untuk kita," ujarnya.

Menyentuh soal kontroversi yang melanda, Meerqeen menafikan dakwaan yang menggelarkan dirinya sebagai *playboy*.

"Pelik juga kenapa nama saya dikaitkan dengan gelaran sebegini. Namun saya tidak melenting atau marah kerana inilah asam garam dalam kerjaya sebagai pelakon. Semua yang pernah dikaitkan dengan saya itu, kami berjumpa atas dasar kerja. Tidak lebih daripada itu," ujarnya tidak ada manusia yang sempurna namun dia sentiasa belajar daripada kelemahan lalu.

Soal kerjaya, Meerqeen akan muncul dalam filem *Klepet* terbitan Respected Citizen Sdn Bhd, bersama barisan pelakon antaranya Nadhir Nasar dan Aedy Ashraf. WK

## Khai Bahar hilang kata-kata

**KES** seorang lelaki yang juga positif dadah, dipercayai membunuh ibu dan bapanya di sebuah rumah baru-baru ini cukup membuatkan hati penyanyi Khai Bahar tersentuh.

Bagi Khai atau nama sebenarnya Muhammad Khairul Baharuddin, 29, mengaku tiada kata-kata yang mampu diucapkan apabila mendapat tahu seorang anak sanggup membunuh ibu yang bertarung nyawa melahirkan dan membesarkannya.

"Saya turut bersimpati atas apa yang berlaku. Berita itu sungguh menyedihkan. Rasa cukup sedih, kecewa dan hilang kata-kata bagaimana seorang anak boleh tergamak membunuh ibu kandungnya sendiri.

"Tak tercapai akal saya apabila semua ini terjadi. Macam tak boleh nak fikir, apa yang membuatkan dia sanggup membunuh syurganya," ujarnya sayu dengan apa yang berlaku.

Meskipun lelaki tersebut dikatakan bawah pengaruh dadah, bagi Khai itu bukan alasan untuk seseorang itu boleh membunuh, apatah lagi ibu sendiri.

"Apa pun alasan disebabkan

dadah atau punca lain, ini tidak sepatutnya berlaku. Bagi saya, ini sangat melampau. Jadi, nasihat saya kepada masyarakat di luar sana, tolonglah saya merayu jauhilah dadah. Apa sahaja yang berkaitan dengannya mintalah dijauhi.

"Kadang-kadang, ada yang terasa nak cuba (dadah), dengan alasan sikit saja. Tak ada apa-apa. Disebabkan permulaan yang sedikit itulah yang akhirnya menjadi punca seseorang itu sanggup bunuh ibu atau lakukan jenayah lain.

Banyak lagi perkara lain yang boleh dicuba. Kenapa dadah juga yang dipilih," ujarnya.

Dalam masa yang sama, dia turut berpesan kepada anak

muda agar bijak dalam memilih kawan kerana terdapat banyak ragam



manusia di luar sana yang sukar untuk diramal.

"Di sekeliling kita ada macam-macam jenis kawan carilah yang boleh membawa kita ke arah kebaikan," ujarnya jika tersilap memilih akan menghancurkan masa hadapan sendiri.

Menyentuh soal kerjaya, lagu *Selagi Ku Ada* nyanyian Khai Bahar bersama Nabila Razali layak ke Anugerah Juara Lagu ke-38 (AJL 38) yang diumumkan baru-baru ini.

Di pentas AJL 38 yang dijangka pada awal tahun depan, Khai turut berentap bersama penyanyi lain antaranya Ziana Zain, Hasif Upton, Aina Abdul, Ernie Zakri, Aisha Retno, Naqiu, Marsha dan Shiha Zikir.

WK





Nabil Haikal persiap diri



# Hasrat tertanggung Nadia Brian

## DEEL ANJER

**H**ANYA beberapa hari lagi sahaja lagi kita akan menyambut tahun baharu 2024. Setiap individu pasti mempunyai hasrat dan azam baharu sebagai motivasi untuk menjadi insan yang lebih baik pada tahun hadapan.

Begitu juga dengan pelakon sensasi **Nadia Brian** yang turut memasang impian tersendiri dalam menyambut tahun baharu. Namun dalam masa yang sama, pelakon filem Ratu Kala Jengking itu menganggap banyak kenangan sepanjang 2013 yang membuatkan dirinya lebih matang.

“Tahun 2023 boleh dikatakan satu kenangan terindah buat saya. Iya, kenangan pahit atau manis, kedua-duanya pasti memberi pengalaman dan membuatkan saya lebih matang dalam menjalani kehidupan.

“Bagi saya tiada apa yang perlu dikesalkan atas apa yang sudah berlaku kerana semuanya adalah ketentuan Allah. Apa yang terjadi, pasti ada hikmah yang perlu kita renung dan fahami. Ia tidak terjadi tanpa sebab,” katanya.

Menurut Nadia atau nama sebenarnya Nadia Najwa Mohamed Rashidi, 31, terdapat beberapa impiannya yang tertanggung dan ingin dicapai pada tahun 2024.

“Seperti mana yang saya pernah beritahu media sebelum ini, saya tidak pernah serik untuk berkahwin lagi. Kalau ikutkan hasrat hati ini, harap sangat dapat bertemu jodoh tahun depan. Impian mahu berkahwin lagi itu tak pernah terpadam. Doakan ya!

“Kalau tak bertemu jodoh pun, sekurang-kurangnya dapat bertemu dengan lelaki istimewa, kekasih hati. Iyalah, saya ni dah lama *single*. Tambah pula dengan kesibukan bekerja. *Shooting back to back* sampai tak ada masa nak fikir soal lelaki. Nak *dating* pun susah bila dah sibuk.

“Jika kenal orang pun, di alam maya sahaja. Saya pun memang tak suka kenal lanjut melalui Internet atau media sosial. Sekarang ni bukan boleh percaya. Kena sentiasa berhati-hati.

“Tak tahulah siapa lelaki yang sudi kenal saya ni. Semoga Allah temukan dengan lelaki yang baik dan boleh terima saya seadanya. Namun dalam masa yang sama, tidaklah saya terdesak nak berkahwin atau mahu ada kekasih. Cuma, itulah impian yang ingin saya kongsi dengan peminat,” ujarnya yang pernah gagal dalam perkahwinan.

Terdahulu, Nadia dan bekas suaminya Muizz Nasruddin bercerai pada April 2021. Bagaimanapun mereka tidak dikurniakan cahaya mata. **WK**

